| | | 1.1.3 | Mendefinisikan faktor pengeluaran iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan. | | | | | | |
| | | 1.1.4 | Mendefinisikan kos lepas. | | | | | | |
| | | 1.1.5 | Menganalisis sesuatu situasi untuk menerangkan kos lepas. | | | | | | |
| | | 1.1.6 | Menilai implikasi pilihan yang dibuat oleh individu, kerajaan atau masyarakat dari aspek kos lepas dengan menggunakan contoh. | | | | | | 2 |
| | | 1.1.7 | Menganalisis keluk kemungkinan pengeluaran untuk menunjukkan kos lepas. | | | | | | |
| | 1.4 Sistem ekonomi dan penyelesaian masalah asas ekonomi | 1.2.1 | Menghuraikan masalah asas ekonomi iaitu apa, berapa, bagaimana dan untuk siapa barang dikeluarkan. | | | | | | |
| | | 1.2.2 | Mengenal pasti ciri-ciri utama sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran. | | | | | | 3 |
| | | 1.2.3 | Membincangkan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh setiap sistem ekonomi tersebut. | | | | | | |
| 1.2.4 | | Menerangkan ciri-ciri utama ekonomi Islam. | | | | | | | |
| 2 | 2.2 Keseimbangan pasaran | 2.1.1 | Menjelaskan hukum permintaan. | | | | | | |
| | | 2.1.2 | Melukis dan menjelaskan pembentukan keluk permintaan individu dan pasaran. | | | | | | |
| | | 2.1.3 | Menghuraikan penentu permintaan iaitu harga barang itu, harga barang lain, cita rasa, pendapatan, musim, jangkaan harga masa depan dan dasar kerajaan. | | | | | | 4 |

| KONTEKS | | | OP1 | | | OP2 | | | ITEM |
|---------|---------------------|--|---|---|---|----------|---|----|------|
| | | | Pengetahuan & Kefahaman | | | Aplikasi | | | |
| | | | R | S | T | R | S | T | |
| | 2.1.4 | Menjelaskan dengan gambar rajah perubahan harga mengakibatkan perubahan dalam kuantiti diminta. | | | | | | | |
| | 2.1.5 | Menjelaskan dengan gambar rajah penentu permintaan bukan harga menyebabkan perubahan dalam permintaan. | | | | | / | 5 | |
| | 2.1.6 | Menerangkan hukum penawaran. | | | | | | | |
| | 2.1.7 | Melukis dan menjelaskan pembentukan keluk penawaran individu dan pasaran. | | | | | | | |
| | 2.1.8 | Menghuraikan penentu penawaran iaitu harga barang itu, harga faktor pengeluaran, cuaca, jangkaan harga masa depan, tingkat teknologi, matlamat pengeluar dan dasar kerajaan. | | | | | | | |
| | 2.1.9 | Menjelaskan dengan gambar rajah perubahan harga mengakibatkan perubahan dalam kuantiti ditawarkan. | | | | | | | |
| | 2.1.10 | Menjelaskan dengan gambar rajah penentu penawaran bukan harga menyebabkan perubahan dalam penawaran. | | | | | | | |
| | 2.1.11 | Menerangkan konsep keseimbangan pasaran. | | | | | / | 6 | |
| | 2.1.12 | Melukis rajah keseimbangan pasaran berdasarkan jadual permintaan dan penawaran pasaran. | | | | | | | |
| | 2.1.13 | Menjelaskan kesan lebih permintaan atau penawaran ke atas harga dan kuantiti berdasarkan jadual dan rajah. | | | | | / | 7 | |
| | 2.1.14 | Menganalisis kesan perubahan permintaan /perubahan penawaran ke atas keseimbangan pasaran. | | | | | / | 8 | |
| | 2.3 Keanjalan harga | 2.2.1 | Menjelaskan konsep keanjalan harga permintaan dan membuat pengiraan mudah. | | | | | | |
| | | 2.2.2 | Menjelaskan keanjalan harga permintaan anjal dan keanjalan harga permintaan tak anjal berdasarkan rajah dan pekali keanjalan. | | | | | | |
| | | 2.2.3 | Menjelaskan penentu keanjalan permintaan. | | | / | | | 9 |
| 2.2.4 | | Menerangkan hubungan antara perubahan dalam harga permintaan dengan perubahan dalam jumlah hasil bagi keanjalan yang berbeza. | | | | | | | |
| 2.2.5 | | Menjelaskan konsep keanjalan harga penawaran dan membuat pengiraan mudah. | | | | | / | 10 | |

| KONTEKS | | | OP1 | | | OP2 | | | ITEM | | |
|---------|------------------------------------|---|---|---|---|----------|---|---|------|----|----|
| | | | Pengetahuan & Kefahaman | | | Aplikasi | | | | | |
| | | | R | S | T | R | S | T | | | |
| 3 | | 2.2.6 | Menjelaskan keanjalan harga penawaran anjal dan keanjalan harga penawaran tak anjal melalui gambar rajah. | | | | | | | | |
| | | 2.2.7 | Menjelaskan penentu keanjalan penawaran. | | | | | | | | |
| | | 2.2.8 | Menganalisis kepentingan keanjalan harga permintaan terhadap perubahan hasil firma dan perbelanjaan pengguna. | | | | | | | | |
| | 3.4 Wang dan bank | 3.1.1 | Menjelaskan fungsi wang. | | | | | | | | |
| | | 3.1.2 | Menjelaskan fungsi bank pusat mengawal kestabilan nilai mata wang, jurubank kepada kerajaan dan jurubank kepada bank perdagangan. | | | | | | / | 11 | |
| | | 3.1.3 | Menjelaskan fungsi bank perdagangan dalam menerima deposit, memberi pinjaman, menerima dan membuat bayaran dan perkhidmatan lain. | | | | | | | | |
| | 3.5 Pendapatan individu | 3.2.1 | Mengklasifikasikan jenis-jenis pekerjaan mengikut sektor ekonomi. | | | | | | | / | 12 |
| | | 3.2.2 | Menjelaskan kepentingan setiap sektor ekonomi dari segi pekerjaan mengikut <i>trend</i> di Malaysia. | | | | | | | | |
| | | 3.2.3 | Membincangkan faktor- faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan. | | | | | | | | |
| | | 3.2.4 | Menjelaskan jenis-jenis pendapatan individu iaitu upah, sewa, faedah, dividen, untung dan bayaran pindahan. | | | | | | | | |
| | | 3.2.5 | Menganalisis kaitan antara pelbagai kerjaya dengan matlamat pendapatan peribadi. | | | | | | | | |
| | 3.6 Penggunaan pendapatan individu | 3.3.1 | Menjelaskan konsep pendapatan boleh guna individu. | | | | | | | / | 13 |
| | | 3.3.2 | Mengenal pasti pelbagai jenis potongan wajib ke atas gaji dari segi tujuan dan kesannya terhadap pendapatan semasa dan pendapatan masa hadapan pekerja. | | | | | | | / | 14 |
| | | 3.3.3 | Menjelaskan perbezaan antara keperluan dan kehendak. | | | | | | | | |
| | | 3.3.4 | Menjelaskan penggunaan pendapatan individu. | | | | | | | | |
| 3.3.5 | | Mengenal pasti dan menjelaskan faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan. | | | | | | | / | 15 | |
| 3.3.6 | | Mengenal pasti kelebihan dan kekurangan kaedah pembayaran secara tunai atau kredit. | | | | | | | | | |
| 3.3.7 | | Menganalisis fitur ekonomi yang terdapat dalam pembelian kredit seperti | | | | | | | | | |

| KONTEKS | | | OP1 | | | OP2 | | | ITEM |
|---|---|---|-------------------------|---|---|----------|---|-------|------|
| | | | Pengetahuan & Kefahaman | | | Aplikasi | | | |
| | | | R | S | T | R | S | T | |
| 4 | KONTEKS | deposit, kadar faedah, caj kewangan, terma dan syarat dan jumlah perlu bayar. | | | | | | | |
| | | 3.3.8 Menjelaskan konsep belanjawan peribadi. | | | | | | | |
| | | 3.3.9 Menghasilkan belanjawan peribadi yang merangkumi simpanan, perbelanjaan, derma dan simpanan /pelaburan yang konsisten dengan matlamat kewangan masing-masing. | | | | | | | |
| | | 3.3.10 Menjelaskan kepentingan belanjawan peribadi. | | | | | / | 16 | |
| | | 3.3.11 Mengenal pasti dan membandingkan strategi simpanan. | | | | | | | |
| | | 3.3.12 Menerangkan konsep risiko dan pulangan dalam pelaburan. | | | / | | | 17 | |
| | | 3.3.13 Membandingkan tahap risiko, pulangan dan kecairan berkaitan pelbagai jenis pelaburan peribadi. | | | / | | | 18 | |
| | 4.3 Konsep pengeluaran, kos dan hasil | 4.1.1 Menjelaskan konsep pengeluaran. | | | | | / | 19 | |
| | | 4.1.2 Menjelaskan fungsi pengeluaran jangka pendek secara deskriptif dengan menggunakan jadual. | | | | | | | |
| | | 4.1.3 Menjelaskan kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos marginal dan kos purata. | | | / | | / | 20,39 | |
| | | 4.1.4 Membuat pengiraan mudah kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos marginal dan kos purata. | | | | | / | 21 | |
| | | 4.1.5 Menganalisis situasi yang menunjukkan perubahan dalam kos purata dan jumlah kos akibat perubahan dalam jumlah output. | | | | | / | 37 | |
| | | 4.1.6 Menjelaskan konsep hasil dan untung. | | | | | / | 22 | |
| 4.1.7 Membuat pengiraan mudah jumlah hasil dan untung. | | | | | | | | | |
| 4.1.8 Mengenal pasti tahap pengeluaran paling cekap berdasarkan jadual. | | | | | | | | | |
| 4.4 Produktiviti dan eksternaliti | 4.2.1 Menerangkan konsep produktiviti. | | | | | | | | |
| | 4.2.2 Menjelaskan faktor yang mempengaruhi produktiviti iaitu tanah, buruh, modal dan usahawan. | | | | | | | | |
| | 4.2.3 Menerangkan konsep eksternaliti. | | | | | | | | |
| | 4.2.4 Menjelaskan maksud kos sosial dan faedah sosial. | | | | | | | | |

| KONTEKS | | | OP1 | | | OP2 | | | ITEM |
|---------|------------------------------------|-------|--|---|---|----------|---|---|------|
| | | | Pengetahuan & Kefahaman | | | Aplikasi | | | |
| | | | R | S | T | R | S | T | |
| | | 4.2.5 | Menilai faedah sosial dan kos sosial berdasarkan contoh yang sesuai. | | | | | | |
| 5 | 5.4 Peranan kerajaan dalam ekonomi | 5.1.1 | Menjelaskan peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan. | | | | | | |
| | | 5.1.2 | Menjelaskan peranan kerajaan untuk mencapai objektif makroekonomi negara iaitu guna tenaga penuh, kestabilan harga, pertumbuhan ekonomi dan kestabilan imbalan pembayaran. | | | / | | | 23 |
| | | 5.1.3 | Menjelaskan peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif. | | | | | | |
| | | 5.1.4 | Menganalisis dan menghubungkan ketiga-tiga peranan kerajaan dalam menjaga kebajikan masyarakat dan meningkatkan kemakmuran negara. | | | | | | |
| | 5.5 Penunjuk ekonomi | 5.2.1 | Menjelaskan Indeks Harga Pengguna (IHP) sebagai alat ukuran inflasi. | | | | | / | 40 |
| | | 5.2.2 | Menerangkan jenis inflasi. | | | | | | |
| | | 5.2.3 | Menganalisis kesan inflasi ke atas harga, tabungan, pendapatan, pengangguran, eksport dan kadar faedah. | | | | | | |
| | | 5.2.4 | Mendefinisikan pengangguran. | | | | | | |
| | | 5.2.5 | Menganalisis jenis pengangguran iaitu kitaran, berstruktur dan geseran. | | | / | | | 24 |
| | | 5.2.6 | Mendefinisikan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). | | | | | | |
| | | 5.2.7 | Menjelaskan KDNK sebagai ukuran kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia berdasarkan data. | | | | | | |
| | | 5.2.8 | Menerangkan sebab dan akibat pertumbuhan ekonomi. | | | | | | |
| | 5.6 Alat dasar ekonomi | 5.3.1 | Menjelaskan maksud dasar fizikal. | | | | | / | 37 |
| | | 5.3.2 | Mengklasifikasi dan menjelaskan jenis hasil kerajaan iaitu cukai langsung, cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai. | | | / | | | 25 |
| | | 5.3.3 | Menganalisis kesan cukai regresif, progresif dan berkadar malar ke atas agihan pendapatan. | | | | | | |
| | | 5.3.4 | Menjelaskan jenis perbelanjaan kerajaan iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. | | | | | / | 31 |
| | | 5.3.5 | Menganalisis kesan belanjawan defisit dan belanjawan lebih terhadap ekonomi negara. | | | | | / | 26 |
| | | 5.3.6 | Menjelaskan maksud dasar kewangan. | | | | | | |

| KONTEKS | | | OP1 | | | OP2 | | | ITEM |
|---------|------------------------------|--|--|---|---|----------|---|----|------|
| | | | Pengetahuan & Kefahaman | | | Aplikasi | | | |
| | | | R | S | T | R | S | T | |
| | 5.3.7 | Menjelaskan alat dasar kewangan yang digunakan oleh bank pusat untuk mengawal ekonomi. | | | | | / | 27 | |
| | 5.3.8 | Menganalisis kesan penggunaan kadar faedah sebagai alat dasar kewangan ke atas ekonomi. | | | | | | | |
| | 5.3.9 | Menilai kesan yang berbeza ke atas objektif makroekonomi negara dengan penggunaan alat-alat dasar ekonomi. | | | | | | | |
| 6 | 6.5 Globalisasi | 6.1.1 | Menerangkan maksud globalisasi. | | | | | | |
| | | 6.1.2 | Menerangkan operasi syarikat multinasional. | | | / | | 28 | |
| | | 6.1.3 | Menganalisis faktor penggalak globalisasi dalam ekonomi dari aspek peranan kerajaan serta peranan teknologi komunikasi maklumat, pengangkutan dan pelancongan. | | / | | / | | 29 |
| | | 6.1.4 | Menilai kesan pelaburan langsung asing ke atas ekonomi negara. | | | | | | |
| | 6.6 Perdagangan antarabangsa | 6.2.1 | Menjelaskan konsep perdagangan antarabangsa. | | | | | | |
| | | 6.2.2 | Menjelaskan kepentingan perdagangan antarabangsa kepada ekonomi Malaysia. | | / | | | | 30 |
| | | 6.2.3 | Menghuraikan bentuk dan tujuan sekatan perdagangan antarabangsa. | | | | | | |
| | | 6.2.4 | Menganalisis kesan tarif, subsidi dan kuota ke atas perdagangan antarabangsa. | | | | | | |
| | | 6.2.5 | Menilai kebaikan dan keburukan sekatan perdagangan antarabangsa dan liberalisasi perdagangan. | | | | | | |
| | | 6.2.6 | Menjelaskan beberapa contoh blok ekonomi dan perjanjian perdagangan (<i>trade agreement</i>). | | | | | | |
| | | 6.2.7 | Menjelaskan kesan blok ekonomi dan perjanjian perdagangan ke atas negara ahli dan negara bukan ahli. | | | | | | |
| | 6.7 Imbangan pembayaran | 6.3.1 | Mengenalpasti komposisi dagangan dan arah aliran perdagangan Malaysia | | | | | / | 33 |
| | | 6.3.2 | Menerangkan maksud imbalan pembayaran. | | | | | | |
| 6.3.3 | | Menjelaskan struktur akaun semasa dalam imbalan pembayaran. | | | | | / | 38 | |
| 6.3.4 | | Menjelaskan konsep defisit dan lebihan dalam akaun semasa. | | | | | | | |

| KONTEKS | | | OP1 | | | OP2 | | | ITEM |
|----------------------------|-------|--|-------------------------|---|---|----------|---|----|------|
| | | | Pengetahuan & Kefahaman | | | Aplikasi | | | |
| | | | R | S | T | R | S | T | |
| | 6.3.5 | Menganalisis sebab dan implikasi defisit dan lebih dalam akaun semasa. | | | | | | | |
| 6.8 Kadar pertukaran asing | 6.4.1 | Mendefinisikan kadar pertukaran asing. | | | | | / | 34 | |
| | 6.4.2 | Mengira kadar pertukaran asing berdasarkan harga jualan dan harga belian mata wang asing. | | | | | / | 32 | |
| | 6.4.3 | Menjelaskan faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran mata wang asing. | | | | | / | 35 | |
| | 6.4.4 | Menganalisis penentuan dan perubahan kadar pertukaran asing menggunakan gambar rajah permintaan dan penawaran. | | | | | | | |
| | 6.4.5 | Menerangkan kesan perubahan kadar pertukaran asing ke atas harga eksport dan import. | | | | | | | |

| ITEM | KONTEKS | KONSTRUK | | | | | | | | | | | | | | | MARKAH | |
|------|----------|--|---|---|------------------------------|---|---|------------------------------|---|---|-------------------------|---|---|-----------------------------|---|---|--------|---|
| | | MENGINGAT & MEMAHAMI (OP1) | | | KEMAHIRAN MENGAPLIKASI (OP2) | | | KEMAHIRAN MENGANALISIS (OP3) | | | KEMAHIRAN MENILAI (OP4) | | | KEMAHIRAN KUANTITATIF (OP5) | | | | |
| | | R | S | T | R | S | T | R | S | T | R | S | T | R | S | T | | |
| | | wang, jurubank kepada kerajaan dan jurubank kepada bank perdagangan. | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | (b) (i) | 3.3.8 | Menilai konsep belanjawan peribadi. | | | | | | | | | | | | / | | | 2 |
| | (b) (ii) | 3.3.9 | Menghasilkan belanjawan peribadi yang merangkumi simpanan, perbelanjaan, derma dan simpanan /pelaburan yang konsisten dengan matlamat kewangan masing-masing. | | | | | | | / | | | | | | | | 4 |
| | (c) (i) | 4.1.4 | Membuat pengiraan mudah kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos marginal dan kos purata. | | | | | | | | | | | | | | / | 2 |
| | (c) (i) | 4.1.5 | Menganalisis situasi yang menunjukkan perubahan dalam kos purata dan jumlah kos akibat perubahan dalam jumlah output. | | | | | | | | / | | | | | | | 4 |
| | (d) (i) | 4.1.6 | Menjelaskan konsep hasil dan untung. | | | / | | | | | | | | | | | | 2 |
| | (d) (i) | 4.1.7 | Membuat pengiraan mudah jumlah hasil dan untung. | | | | | | | | | | | | | / | | 2 |
| 3 | (a) | 5.3.5 | Menganalisis kesan belanjawan defisit dan belanjawan lebihan terhadap ekonomi negara. | | | | | | | | / | | | | | | | 4 |
| | (b) (i) | 6.1.2 | Mengenal pasti ciri syarikat multinasional. | | | / | | | | | | | | | | | | 2 |
| | (b) (ii) | 6.1.3 | Menganalisis faktor penggalak globalisasi dalam ekonomi dari aspek peranan kerajaan serta peranan teknologi komunikasi | | | | | | | | / | | | | | | | 4 |

| ITEM | KONTEKS | | KONSTRUK | | | | | | | | | | | | | | | MARKAH |
|------|---------|---|--|---|---|------------------------------|---|---|------------------------------|---|---|-------------------------|---|---|-----------------------------|---|---|--------|
| | | | MENGINGAT & MEMAHAMI (OP1) | | | KEMAHIRAN MENGAPLIKASI (OP2) | | | KEMAHIRAN MENGANALISIS (OP3) | | | KEMAHIRAN MENILAI (OP4) | | | KEMAHIRAN KUANTITATIF (OP5) | | | |
| | | | R | S | T | R | S | T | R | S | T | R | S | T | R | S | T | |
| | | maklumat, pengangkutan dan pelancongan. | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | (c) | 6.3.5 | Menganalisis sebab dan implikasi defisit dan lebihan dalam akaun semasa. | | | | | | | | / | | | | | | | 6 |
| | (d) | 6.4.2 | Mengira kadar pertukaran asing berdasarkan harga jualan dan harga belian mata wang asing. | | | | | | | | | | | | | / | | 4 |
| 4 | (a) | 2.1.14 | Menganalisis kesan perubahan permintaan/ perubahan penawaran ke atas keseimbangan pasaran dengan melukis keluk keseimbangan. | | | | | | / | | | | | | | | | 7 |
| | (b) | 5.3.4 | Menganalisis jenis perbelanjaan kerajaan iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan (subsidi dan cukai). | | | | | | | | / | | | | | | | 4 |
| | (c) | 5.1.4 | Menghubungkan dan menilai kesan pengurangan subsidi ke atas pengguna dan negara. | | | | | | | | | | | / | | | | 9 |
| 5 | (a) | 3.1.3 | Menjelaskan dan menganalisis fungsi bank perdagangan dalam menerima deposit, memberi pinjaman, menerima dan membuat bayaran dan perkhidmatan lain. | | | | | | | | | | | / | | | | 4 |
| | (b) | 3.1.1 | Menjelaskan fungsi wang. | | | / | | | | | | | | | | | | 7 |
| | (c) | 3.3.7 | Menganalisis fitur ekonomi yang | | | | | | | | / | | | / | | | | 9 |

| ITEM | KONTEKS | | KONSTRUK | | | | | | | | | | | | | | | MARKAH | |
|------|---------|-------|---|---|---|------------------------------|---|---|------------------------------|---|---|-------------------------|---|---|-----------------------------|---|---|--------|---|
| | | | MENGINGAT & MEMAHAMI (OP1) | | | KEMAHIRAN MENGAPLIKASI (OP2) | | | KEMAHIRAN MENGANALISIS (OP3) | | | KEMAHIRAN MENILAI (OP4) | | | KEMAHIRAN KUANTITATIF (OP5) | | | | |
| | | | R | S | T | R | S | T | R | S | T | R | S | T | R | S | T | | |
| | | | terdapat dalam pembelian kredit seperti deposit, kadar faedah, caj kewangan, terma dan syarat dan jumlah perlu bayar. | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 6 | (a) | 5.2.7 | Menjelaskan kaedah pengiraan KDNK sebagai ukuran kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia berdasarkan data. | | | | | | | | | / | | | | | | | 4 |
| | (b) | 5.2.8 | Menerangkan sebab dan akibat pertumbuhan ekonomi. | | | | | | | | | | | | / | | | | 7 |
| | (c) | 5.2.9 | Menganalisis dan menghubungkan pertumbuhan ekonomi yang mampan penting bagi sesebuah negara. | | | | | | | | | / | | | | | | | 9 |
| 7 | (a) | 6.1.4 | Menganalisis pelaburan langsung asing dapat dilaksanakan. | | | | | | | | | / | | | | | | | 4 |
| | (b) | 6.1.5 | Menilai kesan pelaburan langsung asing ke atas ekonomi negara. | | | | | | | | | | | | / | | | | 7 |
| | (c) | 6.1.6 | Menganalisis dan menghubungkan Malaysia menjadi tumpuan pelabur langsung asing. | | | | | | | | | / | | | | | | | 9 |

FORMAT PENTAKSIRAN PEPERIKSAAN

.....

| | | | | |
|----------------------|---|----------------|------|--|
| KERTAS 1 (3767/1) | 40 soalan objektif | 1 jam 15 minit | 40 % | Nisbah Aras Kesukaran R : S : T 5 : 3 : 2 20 : 12 : 8 |
| KERTAS 2 (3767/2) | Bahagian A 3 soalan | 2 jam 15 minit | 60 % | <ul style="list-style-type: none"> • Jawab semua 3 soalan. • Setiap soalan 20 markah. (ceraian a, b, c, d). • 3 soalan: 1 jam 15 minit (25 minit untuk setiap soalan). • Kemahiran pengetahuan, pemahaman dan aplikasi. Konteks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. • Respon Terhadap – Jawapan ringkas dan padat. Maksimum 6 markah setiap soalan. <p>***Tertakluk kepada perubahan / bergantung kepada LPM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah penskoran secara analitik - Terikat dengan Peraturan Pemarkahan. (Fakta + Huraian + Contoh). |
| | Bahagian B 4 soalan (Pilih 2 soalan sahaja) | | | <ul style="list-style-type: none"> • 4 soalan pilih dua soalan sahaja untuk dijawab. Setiap soalan 20 markah. (Ceraian a, b, c). • 2 soalan: 1 jam (30 minit untuk setiap soalan). • Pecahan soalan; 4 + 7 + 9 , 5 + 7 + 8, 6 + 6 + 8 dan sebagainya. • Soalan 4 hingga soalan 7; 20 markah. Respon Terbuka/ mendalam lebih daripada 1 konteks. • Bermula dari 1 konsep ke konsep lain, kembangkan, merentasi topik, matapelajaran lain (EMK). • Kemahiran pengetahuan, pemahaman dan aplikasi. Bentuk soalan; analisis, isu semasa, antarabangsa, soalan ada gambar rajah, jadual, keluk, rumus, grafik, soalan umum. Konteks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. • Kaedah penskoran secara analitik dan rubrik - Skor dibahagi kepada: Tahap 1 – Tahap 3. |



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

EKONOMI MODUL ARAS RENDAH

3767/1

Kertas 1

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
 2. Jawab **semua** soalan.
 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
 5. Anda dibenarkan menggunakan kalkukator saintifik.
-

1. Mengapa wujudnya masalah kekurangan dalam ekonomi?
 - A. Sumber ekonomi dan kehendak manusia yang tidak terhad
 - B. Sumber ekonomi dan kehendak manusia yang terhad
 - C. Sumber ekonomi tidak terhad tetapi kehendak manusia yang terhad
 - D. Sumber ekonomi yang terhad tetapi kehendak manusia yang tidak terhad

2. Jadual di bawah merupakan keutamaan pilihan barangan oleh Encik Ahmad.

| Pilihan Pertama | Pilihan Kedua | Pilihan Ketiga |
|----------------------------|---------------------------|--------------------|
| Telefon bimbit RM 1 500 | Komputer riba RM 1 900 | Tablet RM 2 000 |

Sekiranya Encik Ahmad mempunyai RM 2 000, apakah kos lepas Encik Ahmad?

- A. Telefon bimbit
 - B. Komputer riba
 - C. Telefon bimbit dan komputer riba
 - D. Telefon bimbit dan tablet
-
3. Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri sistem ekonomi yang diamalkan oleh dua buah negara.

| Negara S | Negara T |
|--|--|
| Pengeluar bebas memiliki faktor pengeluaran. | Semua faktor pengeluaran dimiliki secara mutlak oleh kerajaan. |

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

| | Negara S | Negara T |
|----|----------------------------------|----------------------------------|
| A. | Sistem ekonomi pasaran bebas | Sistem ekonomi perancangan pusat |
| B. | Sistem ekonomi perancangan pusat | Sistem ekonomi pasaran bebas |
| C. | Sistem ekonomi pasaran bebas | Sistem ekonomi campuran |
| D. | Sistem ekonomi campuran | Sistem ekonomi perancangan pusat |

4. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga dan permintaan terhadap kereta tempatan berjenama Axia bagi bulan Mei dan Jun 2023.


| Bulan | Harga seunit (RM) | Kuantiti diminta (Unit) |
|----------|----------------------|----------------------------|
| Mei 2023 | 38 830 | 3 500 |
| Jun 2023 | 38 830 | 5 000 |

Faktor manakah yang mempengaruhi perubahan permintaan kereta Axia pada bulan Jun 2023 berbanding bulan Mei 2023?

- I. Cukai kereta import dinaikkan
- II. Harga petrol telah meningkat
- III. Kadar faedah skim sewa beli dikurangkan
- IV. Pendapatan boleh guna individu merosot

- A. I dan III
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. II dan IV


5. Gambar rajah di bawah menunjukkan perubahan dalam permintaan bagi barang P.



Apakah faktor yang menyebabkan perubahan permintaan terhadap barang P?

- A. Harang barang pengganti turun
- B. Pendapatan boleh guna turun
- C. Harga barang P dijangka meningkat pada masa depan
- D. Kadar cukai pendapatan naik

6. Rajah berikut menunjukkan keluk keseimbangan pasaran bagi barang Z.



Berdasarkan rajah di atas, titik E menggambarkan perkara berikut.

- I. Ketidakseimbangan pasaran berlaku pada titik E.
 - II. Keseimbangan pasaran berlaku pada titik E.
 - III. Keluk permintaan pasaran (DD) bersilang dengan keluk penawaran pasaran (SS).
 - IV. Suatu keadaan permintaan melebihi penawaran berlaku.
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan III
 - D. II dan IV


7. Maklumat berikut menunjukkan permintaan dan penawaran seluar sukan di pasaran pada pelbagai tingkat harga yang berbeza.

| Harga (RM sehelai) | Kuantiti Permintaan (helai) | Kuantiti Penawaran (helai) |
|-----------------------|--------------------------------|-------------------------------|
| 10 | 42 | 8 |
| 30 | 32 | 16 |
| 40 | 22 | 22 |
| 50 | 12 | 30 |

Apakah yang akan berlaku di pasaran sekiranya tingkat harga pasaran ialah RM 30 sehelai?

- A. Keseimbangan pasaran
- B. Kekurangan penawaran
- C. Lebihan penawaran
- D. Lebihan permintaan

8. Gambar rajah yang berikut, manakah yang menunjukkan penggunaan teknologi yang lebih canggih dalam proses pengeluaran?



9. Apakah penentu keanjalan permintaan tak anjal?

- I. Tahap ketagihan yang tinggi
 - II. Barang yang tidak tahan lama
 - III. Banyak barang pengganti
 - IV. Barang mewah
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan III
 - D. II dan IV

10. Jadual di bawah menunjukkan penawaran terhadap sesuatu barang.

| Harga (RM) | Kuantiti Ditawar (unit) |
|------------|-------------------------|
| 50 | 150 |
| 52 | 180 |

Hitungkan nilai pekali keanjalan penawaran apabila harga meningkat dari RM 50 ke RM 52?

- A. 0.2
 - B. 5.0
 - C. 0.1
 - D. 8.3
11. Pernyataan berikut menerangkan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan **kecuali ...**
- A. memberi nasihat pelaburan
 - B. mengawal rizab berkanun
 - C. mengurus pertukaran asing
 - D. mengurus hutang negara
12. Maklumat di bawah berkaitan dengan tiga orang individu.

Aeryn merupakan seorang pensyarah di Unimas manakala Allan ialah seorang pengurus kilang di Sarawak Flour Mill Sdn Bhd dan Aaron merupakan seorang pembalok di sebuah syarikat kontraktor balak dan kayu.

| | Aeryn | Allan | Aaron |
|----|--------|--------|--------|
| A. | Utama | Ketiga | Kedua |
| B. | Ketiga | Kedua | Utama |
| C. | Kedua | Utama | Ketiga |
| D. | Ketiga | Utama | Kedua |

13. Pernyataan yang manakah merujuk kepada pendapatan boleh guna?
- A. Wang yang boleh dibelanjakan setelah ditolak semua potongan wajib
 - B. Wang yang diterima setelah ditolak pelepasan cukai
 - C. Kemampuan individu memiliki sejumlah wang
 - D. Sejumlah wang yang diterima daripada sesuatu pekerjaan
14. Rumus di bawah digunakan dalam pengiraan suatu pendapatan.

$$\text{Pendapatan boleh guna} = \text{Pendapatan Individu} - X$$

Apakah X?

- I. Sewa
 - II. Dividen
 - III. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
 - IV. Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
15. Faktor manakah yang mempengaruhi corak perbelanjaan seorang pengguna?
- A. Bayaran pendahuluan
 - B. Pendapatan
 - C. Kadar faedah
 - D. Untung
16. Kepentingan belanjawan peribadi ialah ...
- A. menambah pendapatan
 - B. meningkatkan kuasa beli
 - C. membuat tabungan
 - D. membeli barang yang dikehendaki

17. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai bentuk pelaburan dan pendapatan pelaburan.

| | Bentuk pelaburan | Bentuk pendapatan pelaburan |
|----|-------------------------|------------------------------------|
| A. | Simpanan tetap | Faedah |
| B. | Hartanah | Dividen |
| C. | Saham | Faedah |
| D. | Sekuriti pinjaman | Sewa |

18. Maklumat manakah yang **betul** tentang pelaburan peribadi saham syarikat?

| | Tahap risiko | Tahap pulangan | Tahap kecairan |
|----|---------------------|-----------------------|-----------------------|
| A. | Rendah | Sederhana | Rendah |
| B. | Tinggi | Sederhana | Tinggi |
| C. | Tinggi | Tinggi | Sederhana |
| D. | Rendah | Tinggi | Sederhana |

19. Input pengeluaran ialah ...

- A. Faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran
- B. Suatu proses yang menggabungkan faktor pengeluaran
- C. Barang atau perkhidmatan yang dihasilkan dalam proses pengeluaran
- D. Proses mengubah faktor pengeluaran menjadi keluaran

20. Maklumat berikut tentang kos pengeluaran.

Kos yang perlu ditanggung oleh firma apabila output bertambah

Apakah kos pengeluaran tersebut?

- A. Kos tetap
- B. Kos berubah
- C. Kos purata
- D. Kos marginal

21. Jadual berikut merupakan kos pengeluaran sesebuah firma.

| Jumlah Keluaran (unit) | Jumlah Kos (RM) |
|---------------------------------|--------------------------|
| 10 | 50 |
| 20 | 100 |

Berapakah kos marginal apabila jumlah keluaran meningkat dari 10 unit kepada 20 unit?

- A. RM 5
- B. RM 10
- C. RM 50
- D. RM 100

22. Antara yang berikut, yang manakah menjelaskan konsep untung?

- A. Untung merupakan ganjaran kepada buruh.
- B. Untung merupakan perbezaan antara jumlah hasil dan jumlah kos.
- C. Untung diperoleh apabila jumlah kos melebihi jumlah hasil.
- D. Untung diperoleh dengan mencampurkan jumlah hasil dan jumlah kos.

23. Apakah objektif makroekonomi negara?

- A. Kos pengeluaran negara meningkat.
- B. Kadar pengangguran lebih daripada 4%.
- C. Mencapai keseimbangan pasaran dalam ekonomi.
- D. Tingkat harga umum tidak naik secara berterusan.

24. Yang manakah situasi berikut menyebabkan pengangguran kitaran?

- A. Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan.
- B. Pekerja meletakkan jawatan secara sukarela untuk mencari pekerjaan yang lebih baik.
- C. Pekerja kehilangan pekerjaan akibat kemelesetan ekonomi
- D. Pekerja kekurangan kemahiran yang berkaitan dengan peluang pekerjaan yang sedia ada.

25. Pernyataan berikut berkaitan dengan sejenis cukai.

Beban cukai ini tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain.

Pernyataan itu merujuk kepada ...

- A. duti import
- B. duti eksport
- C. cukai pendapatan perseorangan
- D. cukai perkhidmatan

26. Belanjawan yang manakah digunakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah inflasi?

- A. Belanjawan lebihan
- B. Belanjawan defisit
- C. Belanjawan seimbang
- D. Belanjawan negara

27. Bagaimanakah bank pusat mengatasi masalah kemelesetan ekonomi?

- A. Menurunkan kadar faedah
- B. Mengetatkan syarat sewa beli
- C. Menjual surat jaminan kerajaan
- D. Menaikkan nisbah rizab berkanun

28. Antara yang berikut, ciri yang manakah mewakili syarikat multinasional?

- A. Pengangkutan yang cekap
- B. Sistem komunikasi yang cekap
- C. Sumber ekonomi yang berbeza
- D. Perubahan dan pemindahan teknologi

29. Manakah yang merupakan faktor penggalak globalisasi?

- A. Peningkatan tarif
- B. Pelonggaran syarat pegangan ekuiti
- C. Pengenaan visa ke atas pelancong asing
- D. Penghapusan taraf perintis

30. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan perdagangan antarabangsa?
- I. Menggalakkan pelaburan
 - II. menggalakkan aktiviti lambakan
 - III. Meningkatkan daya saing barang tempatan
 - IV. menikmati barang dengan harga yang lebih rendah
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
31. Antara berikut, yang manakah merupakan kesan positif daripada blok ekonomi?
- A. Tidak wujud mobiliti ekonomi
 - B. Wujud kegawatan ekonomi negara
 - C. Peningkatan modal dan tenaga kerja
 - D. Tidak wujud perkongsian teknologi moden
32. Antara yang berikut, yang manakah tergolong dalam akaun semasa?
- A. Akaun pendapatan boleh guna
 - B. Akaun hasil cukai
 - C. Akaun Pelaburan
 - D. Akaun pendapatan primer
33. Lebihan akaun semasa merujuk kepada ...
- A. jumlah penerimaan kewangan daripada negara asing melebihi jumlah pembayaran kewangan sesebuah negara kepada negara asing.
 - B. jumlah pembayaran kewangan sesebuah negara kepada negara asing melebihi jumlah penerimaan kewangan daripada negara asing.
 - C. jumlah penerimaan kewangan daripada negara asing sama dengan jumlah pembayaran kewangan sesebuah negara kepada negara asing.
 - D. jumlah penerimaan kewangan daripada negara asing kurang daripada jumlah pembayaran kewangan sesebuah negara kepada negara asing.

34. Maklumat berikut berkaiatan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura.

| |
|--------------------|
| SGD 1.00 = RM 3.00 |
|--------------------|

Berapakah nilai barang dalam Ringgit Malaysia jika harga barang ialah SGD 12 000?

- A. RM 3.00
 - B. RM 4 000
 - C. RM 12 000
 - D. RM 3 6000
35. Apakah kesan daripada kejatuhan nilai Ringgit Malaysia?
- A. Import Malaysia meningkat
 - B. Harga barang di luar negara mahal
 - C. Harga barang eksport Malaysia menjadi mahal
 - D. Imbangan dagangan Malaysia menjadi negatif

Soalan 36 hingga 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti dalam jadual di bawah ini.

| Pilihan | Pernyataan 1 | Pernyataan II |
|---------|--------------|---------------|
| A | Betul | Salah |
| B | Salah | Betul |
| C | Betul | Betul |
| D | Salah | Salah |

36. I Pendapatan faktor produktif terdiri daripada faedah, dividen dan bayaran pindahan.
 II Upah ialah ganjaran ke atas sumbangan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran.
37. I Jumlah kos berubah semakin meningkat apabila berlaku peningkatan dalam jumlah keluaran.
 II Jumlah kos tetap semakin berkurang apabila jumlah keluaran semakin meningkat.

38. I Inflasi tolakan kos merupakan kenaikan harga umum yang disebabkan oleh harga barang import meningkat.
II Inflasi tarikan permintaan merupakan kenaikan harga umum akibat daripada permintaan agregat melebihi penawaran agregat.
39. I Kuota menyebabkan permintaan barang import berkurang.
II Subsidi menyebabkan permintaan barang tempatan bertambah.
40. I Pelancongan ke luar negara oleh rakyat Malaysia mewujudkan permintaan terhadap Ringgit Malaysia.
II Pelabur Jepun yang membuat pelaburan di Malaysia mewujudkan penawaran terhadap Ringgit Malaysia.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

EKONOMI MODUL ARAS RENDAH

3767/2

Kertas 2

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

1. Modul ini mengandungi **dua** bahagian:
Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **mana-mana dua soalan Bahagian B.**
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam modul ini.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkukator saintifik

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|--------------------------|--------|--------------|------------------|
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A | 1 | 20 | |
| | 2 | 20 | |
| | 3 | 20 | |
| B | 4 | 20 | |
| | 5 | 20 | |
| | 6 | 20 | |
| | 7 | 20 | |
| Jumlah | | | |

Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan daripada bahagian ini

- 1 (a) Gambar di bawah ini berkaitan dengan satu unit ekonomi.



Jelaskan cara unit ekonomi di atas menyelesaikan masalah ekonomi.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]


- (b) Bezakan cara penyelesaian masalah asas ekonomi antara sistem ekonomi perancangan pusat dengan sistem ekonomi campuran.

[6 markah]

- (c) Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran bagi buah cempedak di pasaran.

| Harga (RM/kg) | Kuantiti permintaan (Unit) | Kuantiti penawaran (unit) |
|--------------------------|---------------------------------------|--------------------------------------|
| 5 | 18 | 6 |
| 10 | 15 | 9 |
| 15 | 12 | 12 |
| 20 | 9 | 15 |
| 25 | 6 | 18 |

- (i) Berdasarkan jadual, bina keluk keseimbangan pasaran.



[4 markah]

(ii) Apakah yang akan berlaku pada tingkat harga RM 20?

[2 markah]

(d) Maklumat di bawah berkaitan dengan penawaran Firma Zoey.

| |
|---|
| Pada harga RM 30, Firma Zoey menawarkan 120 unit barang P. Apabila harga meningkat kepada RM 50, Firma Zoey menawarkan 150 unit barang P. |
|---|

(i) Berdasarkan maklumat di atas, hitung nilai keanjalan harga penawaran bagi barang P.

[2 markah]

(ii) Adakah anda bersetuju jika barang P yang dimaksudkan ialah barang pertanian? Berikan alasan kepada jawapan anda.

[2 markah]

- 2 (a) Gambar di bawah menunjukkan logo sebuah institusi kewangan di Malaysia.



Jelaskan bagaimana institusi kewangan ini melaksanakan fungsi sebagai jurubank kepada kerajaan.

[4 markah]

(b) Jadual 1 menunjukkan butiran pendapatan dan perbelanjaan Encik Adi pada bulan Mei.

| Butiran | RM |
|-------------------------------|-----------|
| Gaji | 3 500 |
| Makanan dan minuman | 800 |
| Sewa rumah | 850 |
| Rawatan perubatan | 100 |
| Tambang | 200 |
| Bil elektrik, air dan telefon | 450 |
| Hiburan | 200 |
| Caruman KWSP | 11% |

Adakah Encik Adi seorang yang bijak dalam pengurusan kewangan? Berikan pandangan anda

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Gambar di bawah menunjukkan input yang digunakan dalam pembuatan keropok lekor.



Bezakan input pengeluaran dalam Gambar 1 dan Gambar 2.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

(d) Gambar di bawah berkaitan dengan isu alam sekitar.



Terangkan **tiga** cara yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengurangkan kesan eksternaliti tersebut.

[6 markah]

3 (a) Gambar di bawah menunjukkan sejenis barang dalam ekonomi.



(Seksyen Jejambat Nyabau, Bintulu, Sarawak)

Mengapakah firma swasta tidak mengeluarkan barang di atas?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(b) Bandingkan antara dasar fiskal dengan dasar kewangan.

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- (c) Terangkan faktor-faktor yang mendorong syarikat multinasional beroperasi di luar negara.

[4 markah]


- (d) Syarikat Jamsiah telah mengimport jentera bernilai RM 320 000 dari Amerika Syarikat. Jika kadar pertukaran asing antara Amerika Syarikat dengan Malaysia adalah seperti berikut :

$$\text{USD1} = \text{RM 4.00}$$

- (i) Hitung jumlah USD yang perlu dibayar oleh syarikat tersebut.

[2 markah]

- (ii) Rajah di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD)



Jelaskan keadaan keseimbangan di pasaran pertukaran asing tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B
[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat di bawah berkaitan dengan sistem ekonomi.

| Negara S | Negara T |
|--|--|
| keputusan ekonomi dibuat oleh sektor swasta dan Kerajaan | keputusan ekonomi dibuat oleh pihak swasta sahaja. |

- (a) Terangkan sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara S.

[4 markah]

- (b) Mengapakah kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi pada 4(a)?

[7 markah]

- (c) Sistem ekonomi pada 4(a) lebih baik berbanding sistem ekonomi di Amerika Syarikat. Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut? Bincangkan.

[9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dalam menjaga kebajikan rakyat.



- (a) Apakah peranan kerajaan untuk menjaga kebajikan rakyat?

[4 markah]

- (b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan pemberian Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) terhadap keseimbangan pasaran.

[7 markah]

- (c) Bersetujukah anda pemberian Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat?
Berikan alasan anda.

[9 markah]

- 6 Gambar di bawah menunjukkan ketidakseimbangan ekonomi.

Inflasi dijangka meningkat kepada dua peratus tahun ini
Inflasi dijangka meningkat kepada dua peratus tahun ini berbanding satu peratus yang dianggarkan pada 2018. Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) Dr Zakariah Abdul Rashid berkata antara faktor di sebalik inflasi ialah peningkatan kenaikan upah minimum kepada RM1,000 dan harga minyak yang berkemungkinan meningkat.
Sumber: malaysiakini.com/30 Januari 2019

- (a) Terangkan jenis inflasi berdasarkan gambar di atas?

[4 markah]

- (b) Bagaimanakah alat dasar kewangan digunakan untuk menyelesaikan masalah tersebut?

[7 markah]

- (c) Bincangkan kesan terhadap kehidupan harian pengguna apabila berlaku keadaan ekonomi di atas?

[9 markah]

7 Maklumat di bawah berkaitan dengan isu lambakan barang import.

PERLU KAJI MENYELURUH ISU LAMBAKAN BERAS IMPORT
KUALA LUMPUR – Pelantikan banyak syarikat pengimport beras tidak akan menyelesaikan konflik lambakan beras import dan permintaan rendah terhadap padi tempatan walaupun monopoli Syarikat Padi Beras Nasional Bhd (BERNAS) ditamatkan.

- (a) Jelaskan kaedah yang boleh digunakan untuk menghadkan lambakan beras import di pasaran tempatan.

[4 markah]

- (b) Penglibatan negara dalam blok ekonomi dan perjanjian perdagangan dapat mempengaruhi ekonomi negara. Jelaskan.

[7 markah]

- (c) Bincangkan implikasi kepada negara apabila kerajaan bertindak menghadkan kemasukan beras import ke dalam negara.

[9 markah]



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

EKONOMI MODUL ARAS SEDERHANA

3767/1

Kertas 1

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
 2. Jawab **semua** soalan.
 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
 5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
-

1. Ilmu ekonomi ialah kajian tentang
 - A Meningkatkan nilai keuntungan sesebuah pengeluaran
 - B Menggunakan modal yang sedia ada bagi memenuhi kehendak yang tidak terhad
 - C Memaksimumkan kebajikan rakyat dengan menggunakan hasil yang tidak terhad
 - D Menyelesaikan masalah kehendak manusia


2. Pernyataan di bawah berkaitan dengan daya pengeluaran sebuah firma.

Firma Q hanya mampu menambah pengeluaran sebanyak 15% walaupun permintaan perabot di pasaran telah meningkat hampir 40%

Situasi di atas menggambarkan

- A Kehendak yang terhad
 - B Sumber ekonomi yang tidak terhad
 - C Pilihan
 - D Kekurangan
-
3. Rajah di bawah ini menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran bagi seluar dan pakaian.

Pakaian (unit)



Seluar (helai)

Pilih pernyataan yang benar menggambarkan titik IV

- A Ekonomi gagal menggunakan faktor pengeluaran yang sedia ada dengan sepenuhnya
- B Ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh
- C Tingkat teknologi tetap
- D Faktor pengeluaran tidak mencukupi dalam proses pengeluaran

4. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Marfa.

Syarikat Marfa mengeluarkan 10 000 unit kasut sehari untuk pasaran domestik.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat Marfa?

- I. Apa yang hendak dikeluarkan
- II. Bagaimana hendak dikeluarkan
- III. Untuk siapa dikeluarkan
- IV. Berapa yang hendak dikeluarkan


- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

5. Pernyataan manakah yang menerangkan sistem ekonomi pasaran bebas?

- I. Harga faktor ditentukan oleh mekanisme harga.
- II. Individu dan pihak swasta bebas memiliki faktor pengeluaran.
- III. Cara pengeluaran barang ditentukan oleh kerajaan.
- IV. Sumber ekonomi dikawal oleh kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Rajah di bawah menunjukkan satu keluk penawaran meja kayu.



Perubahan penawaran meja kayu akibat kenaikan harga kayu ditunjukkan oleh pergerakan titik...

- A C ke B
 - B A ke B
 - C B ke A
 - D A ke C
7. Situasi manakah yang akan meningkatkan penawaran terhadap barangan elektronik buatan tempatan?
- I. Peningkatan kadar upah buruh
 - II. Peningkatan teknologi pengeluaran
 - III. Pemberian subsidi oleh kerajaan
 - IV. Peningkatan harga bahan mentah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8. Nilai keanjalan harga permintaan untuk telefon bimbit adalah 1.5. Apakah strategi harga yang boleh digunakan oleh penjual untuk memaksimumkan hasil jualan bagi telefon bimbit tersebut?
- A Meningkatkan harga telefon bimbit
 - B Mengekalkan harga telefon bimbit
 - C Meningkatkan harga barang penggenap
 - D Menurunkan harga telefon bimbit

9. Pernyataan di bawah berkaitan dengan barang A dan barang B

Kenaikan harga barang A menyebabkan permintaan barang B meningkat.

Antara yang berikut, yang manakah menerangkan ciri barang di atas?

- A A dan B merupakan barang pengganti
 - B A dan B merupakan barang penggenap
 - C A dan B merupakan barang keperluan
 - D A dan B merupakan barang kehendak
10. Antara berikut, yang manakah menyebabkan keluk penawaran bergerak ke kanan?
- I. Firma bermatlamat memaksimumkan keuntungan
 - II. Firma meningkatkan penggunaan tingkat teknologi
 - III. Harga barang dijangka turun pada masa depan
 - IV. Harga faktor pengeluaran meningkat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11. Penawaran sesuatu barang menjadi tidak anjal apabila
- I penambahan kuantiti memerlukan kos yang sangat besar
 - II dalam jangka masa panjang faktor pengeluaran mudah diubah
 - III bilangan firma yang banyak dalam pasaran
 - IV stok barang dalam simpanan sedikit
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
12. Situasi manakah yang menunjukkan fungsi wang sebagai alat bayaran tertunda?
- A Jimmy membeli komputer secara tunai
 - B Telefon pintar jenama Pantaz itu berharga RM2 500
 - C Siti membuat pembayaran kereta RM550 setiap bulan selama 9 tahun
 - D Setiap kali menerima upah menjahit, Noni memasukkan sedikit wang ke dalam Maybank Berhad untuk tujuan kecemasan atau luar jangka
13. Syarikat AZK mempunyai bilangan pekerja yang ramai. Hal ini menjadi kesukaran kepada Encik AZK untuk membayar gaji pekerja tepat pada masanya. Apakah kemudahan yang boleh membantu Syarikat AZK menyelesaikan masalah tersebut?
- A Draf bank
 - B Perintah sedia ada
 - C Debit langsung
 - D Pindahan Kredit

14. Maklumat di bawah berkaitan dengan jenis pendapatan individu.

$$\text{Pendapatan individu} = \text{Upah} + \text{Sewa} + \text{Feadah} + \text{Dividen} + \text{X} + \text{Bayaran Pindahan}$$

Situasi yang manakah menerangkan X?

- A Puan Aifa mendapat RM1 500 setahun bagi Amanah Saham Bumiputera
 - B Cik Irdina memenangi baucer buku daripada Kedai Buku Mysara bernilai RM100
 - C Puan Batrisiya menerima RM3 000 atas penggunaan rumah kedai miliknya
 - D Puan Zahwina memperoleh RM380 atas jualan kerepek ubinya
15. Antara yang berikut yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembelian barangan secara kredit?
- A Pengguna akan membayar pada harga yang lebih rendah
 - B Berlaku peningkatan dalam taraf hidup pengguna
 - C Menggalakkan pengguna berbelanja melebihi pendapatan
 - D Pengguna menikmati diskaun harga yang lebih banyak
16. Gambar berikut menunjukkan input yang digunakan dalam proses pengeluaran barang X



Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan input tersebut?

- A Tetap wujud walaupun keluaran sifar
- B Wujud dalam jangka masa panjang sahaja
- C Kuantitinya berubah mengikut perubahan output
- D Pembayaran ke atas input dikenali sebagai kos berubah

17. Hitung keluaran purata bagi 3 orang buruh yang menghasilkan jumlah keluaran sebanyak 150 unit.

- A 45 unit
- B 50 unit
- C 120 unit
- D 40 unit

18. Jadual menunjukkan jumlah keluaran dan jumlah kos bagi firma Ossim Berhad.

| | | |
|------------------------|-------|-------|
| Jumlah keluaran (unit) | 40 | 43 |
| Jumlah kos (RM) | 8 000 | 8 400 |

Berapakah kos marginal pada keluaran ke-43?

- A RM133.33
- B RM186.04
- C RM195.34
- D RM200.00

19. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

| | |
|---------------------|--------------|
| Output | : 1 000 unit |
| Harga jualan seunit | : RM15.00 |
| Kos purata | : RM10.00 |

Berapakah jumlah untung bagi firma tersebut?

- A RM50
- B RM500
- C RM15 000
- D RM25 000

20. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan produktiviti?
- I Bilangan firma yang banyak di pasaran
 - II Pengeluaran dalam jangka masa panjang
 - III Penyelenggaraan kelengkapan modal dari semasa ke semasa
 - IV Pengkhususan diamalkan mengikut struktur organisasi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
21. Puan Aminah seorang pengeluar keropok lekor, sekiranya beliau ingin meningkatkan pengeluaran keropok lekornya semasa hari jualan di Sekolah Rendah A, apa input yang perlu beliau tambahkan?
- A Mesin pengisar
 - B Ikan, tepung dan mesin pengisar
 - C Tepung dan pekerja
 - D Ikan, tepung dan pekerja
22. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran gelang mutiara.

| | |
|-------------|---------|
| Kos berubah | : RM170 |
| Kos tetap | : RM80 |
| Kos purata | : RM5 |

Berapakah jumlah output?

- A 50 unit
- B 85 unit
- C 250 unit
- D 255 unit

23. Jumlah hasil sebuah firma dapat ditambah dengan meningkatkan
- I. promosi barang
 - II. kualiti barang
 - III. harga barang
 - IV. kuantiti jualan barang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
24. Apakah faedah sosial daripada kempen kongsi kenderaan yang dilaksanakan oleh penduduk Kota Samarahan?
- A Mempercepat masa ke tempat kerja
 - B Perkhidmatan pengangkutan Grab mendapat sambutan tinggi
 - C Lebih banyak tawaran hadiah istimewa kepada pembeli kereta baharu
 - D Persekitaran lebih selamat dan kurang pencemaran udara dinikmati oleh Masyarakat
25. Logo berikut merupakan salah satu syarikat berkaitan kerajaan.




Ciri yang betul berkaitan dengan syarikat tersebut ialah

- A Lebih dari seorang pengeluar
- B Berkuasa untuk menentukan harga
- C Kebebasan firma untuk masuk dan keluar pasaran
- D Tiada firma lain yang mengeluarkan perkhidmatan tersebut

26. Penurunan kadar pengangguran dalam negara akan menyebabkan
- A Firma mengecilkan saiz pengeluaran
 - B Peningkatan taraf hidup masyarakat
 - C Penurunan hasil Kerajaan
 - D Peningkatan masalah sosial

27. Rajah di bawah berkaitan dengan jenis sumber hasil.



Manakah yang betul tentang komponen X?

- A Cukai yang dikenakan terhadap barang keluaran tempatan
 - B Dikenakan atas pemilik rumah
 - C Bayaran lesen dan permit oleh Syarikat Agus Sdn. Bhd.
 - D Cukai yang dikenakan terhadap barang import dan eksport
28. Antara yang berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan mengurus?
- I. Pembinaan jalan raya di kawasan luar bandar
 - II. Pembinaan pejabat kerajaan baharu
 - III. Pemberian subsidi kepada nelayan
 - IV. Pembayaran pencen kepada pegawai kerajaan
- A I dan II
 - B II dan IV
 - C I dan III
 - D III dan IV

29. Dasar fiskal mengembang akan menyebabkan

- A Penurunan kadar pengangguran
- B Penurunan perbelanjaan Kerajaan
- C Pertumbuhan ekonomi yang perlahan
- D Penurunan tingkat harga umum di pasaran

30. Berikut merupakan alat-alat dasar kewangan yang digunakan untuk mengawal bekalan wang dan penciptaan kredit semasa berlaku inflasi. Pasangan manakah yang benar?

| | | |
|---|---------------------------------|---|
| A | Menaikkan nisbah rizab berkanun | Keupayaan bank perdagangan memberi pinjaman meningkat |
| B | Menaikkan kadar faedah | Jumlah pinjaman yang dibuat oleh masyarakat berkurang |
| C | Menjual surat jaminan Kerajaan | Penawaran wang dalam pasaran meningkat |
| D | Melonggarkan syarat sewa beli | Tempoh bayaran balik dipendekkan |
| | | |

31. Kewujudan syarikat multinasional di Malaysia adalah disebabkan oleh...

- I. Kos pengangkutan yang tinggi
 - II. Tenaga buruh dengan kemahiran khusus
 - III. Kadar cukai pendapatan yang rendah
 - IV. Kewujudan blok perdagangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

32. Antara yang berikut, yang manakah bukan komposisi eksport barang nampak bagi Malaysia?

- A Jentera
- B Lada hitam
- C Minyak kelapa sawit
- D Petroleum

33. Jadual di bawah menunjukkan eksport dan import Malaysia pada suatu tahun.

| Perkara | Jumlah (RM Juta) |
|---------------------------|------------------|
| Eksport gas asli cecair | 9 789 |
| Eksport barang pembuatan | 217 222 |
| Import barang modal | 52 655 |
| Import barang perantaraan | 350 611 |

Apakah keadaan imbalan dagangan Malaysia pada tahun tersebut?

- A Lebih RM176 255 juta
 B Lebih RM227 011 juta
 C Kurangan RM176 255 juta
 D Kurangan RM186 044 juta
34. Rajah di bawah menunjukkan perubahan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika Syarikat (USD).

| | | |
|------------------|---|------------------|
| USD1.00 = RM3.80 | → | USD1.00 = RM4.20 |
|------------------|---|------------------|

Antara berikut, yang manakah mungkin menyebabkan perubahan kadar pertukaran di atas?

- A Eksport Malaysia ke Amerika Syarikat meningkat
 B Import Malaysia dari Amerika Syarikat menurun
 C Peningkatan pelancong Malaysia ke Amerika Syarikat
 D Pelaburan asing Amerika Syarikat di Malaysia meningkat
35. Apakah tindakan kerajaan mempertahankan nilai mata wang negara?
- I. Menjual RM
 II. Membeli RM
 III. Menjual mata wang asing
 IV. Membeli mata wang asing
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

Soalan 36 hingga 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti dalam jadual di bawah ini.

| Pilihan | Pernyataan 1 | Pernyataan II |
|----------------|---------------------|----------------------|
| A | Betul | Salah |
| B | Salah | Betul |
| C | Betul | Betul |
| D | Salah | Salah |

36. I. Barang mewah adalah permintaan tak anjal.
 II. Barang yang banyak pengganti adalah permintaan tak anjal.
37. I. Overdraif adalah kemudahan pinjaman yang diberi kepada pemegang akaun simpanan tetap.
 II. Kemudahan overdraf membolehkan pelanggan mengeluarkan wang melebihi baki dalam akaun setakat had yang diluluskan oleh bank.
38. I. Negara mengalami lebih akaun semasa disebabkan oleh permintaan terhadap barang import meningkat.
 II. Apabila produktiviti negara meningkat pada tahun 2020, jadi negara mengalami lebih akaun semasa
39. I. Duti eksport merupakan hasil bukan cukai.
 II. Duti eksport dapat mengurangkan masalah kekurangan bahan mentah dalam negara.
40. I. Barang awam tiada bayaran atau memerlukan bayaran yang minimum daripada pengguna.
 II. Barang sosial yang disediakan oleh kerajaan adalah seperti perkhidmatan pendidikan.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

EKONOMI MODUL ARAS SEDERHANA

3767/2

Kertas 2

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

1. Modul ini mengandungi **dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.**
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan mana-mana dua soalan Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam modul ini.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkukator saintifik*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|--------------------------|----------|--------------|------------------|
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A | 1 | 20 | |
| | 2 | 20 | |
| | 3 | 20 | |
| B | 4 | 20 | |
| | 5 | 20 | |
| | 6 | 20 | |
| Jumlah | | | |

Bahagian A
[60 markah]

Jawab **semua** soalan di bahagian ini.

- 1 (a) Soalan berdasarkan perbualan di bawah.

Aina : “Ayah, aina nak beg sekolah dan kasut sekolah.”
Ayah : “Aina, ayah tak mampu beli kedua-duanya”
Aina : “Kalau begitu, Aina nak Kasut sekolah saja la.”
Ayah : “Boleh.”

Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh ayah kepada Aina.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

(b) Gambar 1 adalah bendera sebuah Negara.



Gambar 1

Terangkan dua ciri lain sistem ekonomi negara tersebut selain motif utama ialah mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Dengan bantuan gambar rajah, bagaimanakah anda membezakan lebih permintaan dan lebih penawaran?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (d) Maklumat berikut menunjukkan keanjalan harga permintaan bagi barang A dan barang B.

| Jenis Barang | Peratus perubahan harga | Peratus perubahan kuantiti |
|--------------|-------------------------|----------------------------|
| A | 6 | 3 |
| B | 3 | 6 |

Adakah anda setuju pengeluar meningkatkan harga barang A dan barang B? Berikan alasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- 2 (a) Jelaskan kelebihan pembayaran secara tunai.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[5 markah]

(b) Rajah di bawah menunjukkan komponen dalam pendapatan individu.



(i) Apakah X?

[1 *markah*]

(ii) Bagaimanakah cara individu menggunakan X untuk memenuhi keperluan dan kehendaknya?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

(c) Bandingkan kos implisit dan kos eksplisit.

[5 markah]

(d) Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran syarikat Amin.

| Jumlah output (unit) | Kos berubah (RM) | Jumlah kos (RM) |
|-------------------------|---------------------|--------------------|
| 0 | 0 | 100 |
| 10 | 450 | 550 |
| 20 | 850 | 950 |
| 30 | 1200 | 1300 |
| 40 | 1950 | 2050 |

(i) Berdasarkan maklumat di atas, nyatakan jangka masa pengeluaran syarikat Amin. Berikan alasan anda.

[2 markah]

- (ii) Sekiranya firma menjualkan outputnya pada harga RM48.00 seunit, pada output ke berapa firma perlu menutup operasinya? Berikan alasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- 3 Maklumat di bawah berkaitan dengan isu alam sekitar.

Pencemaran Sg Semenyih: LUAS berjaya kesan kilang dipercayai punca
 SEMENYIH: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) akan menyiasat sebuah kilang minyak sawit yang disyaki menjadi punca pencemaran di loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih pada Khamis. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar Negeri Selangor, Hee Loy Sian, siasatan awal mendapati bau solven telah dikesan di longkang berhampiran kilang terbabit.
 Sumber: Astro Awani, Jun 23, 2022

- (a) Terangkan tiga cara yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mengurangkan kesan eksternaliti tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Ali.

Encik Ali membayar cukai pendapatan syarikat pada setiap tahun. Beliau juga membayar levi kerana mengambil pekerja dari Indonesia untuk bekerja di syarikatnya.

Bandingkan kedua-dua cukai yang dibayar oleh Encik Ali.

[5 markah]

(c) Mengapakah Malaysia menjalankan perdagangan antarabangsa dengan negara lain.

[6 markah]

- (d) Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) berbanding Pound Sterling (£).

| Mata wang (1 unit) | Harga Belian (RM) | Harga Jualan (RM) |
|-----------------------|----------------------|----------------------|
| Pound Sterling (£) | 5.362 | 5.456 |

Sumber: MBSB Bank, 5 ogos 2022

Encik Hamdan merancang untuk melancong ke United Kingdom dengan mengikuti pakej pelancongan selama 10 hari 7 malam berjumlah RM10 500.

- (i) Hitung nilai pakej tersebut dalam Pound Sterling (£).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Encik Hamdan memiliki lebih £120 yang tidak dibelanjakan. Hitung lebih wang tersebut dalam Ringgit Malaysia (RM).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

Bahagian B
[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan sistem ekonomi.

| |
|---|
| Amerika Syarikat mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas berbanding dengan Negara China yang menukar sistem ekonomi mereka daripada sistem ekonomi perancangan pusat kepada sistem ekonomi campuran. |
|---|

- (a) Bezakan antara sistem ekonomi pasaran bebas dengan sistem ekonomi perancangan pusat.

[4 markah]

- (b) “Negara Malaysia mengamalkan sistem ekonomi campuran”
Bagaimanakah kerajaan Malaysia menyelesaikan masalah ekonomi yang dihadapi bagi menjamin kebajikan rakyat?

[7 markah]

- (c) Setujukah anda bahawa sistem ekonomi campuran lebih baik dalam mengatasi masalah asas ekonomi berbanding dengan sistem ekonomi pasaran bebas? Berikan alasan anda.

[9 markah]

5 Maklumat berikut berkaitan satu tindakan kerajaan bagi membantu rakyat.

TERKINI

SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR)

Belanjawan 2023
MALAYSIA MADANI

| Kategori Bantuan | | Jumlah Bantuan |
|---|--------------------|----------------|
| RM 2,500 ke bawah | Tiada Anak | RM 1000 |
| | 1- 2 Anak | RM 1500 |
| | 3 - 4 Anak | RM 2000 |
| | > 5 Anak | RM 2500 |
| RM 2,501 - RM 5,000 | Tiada Anak | RM 500 |
| | 1- 2 Anak | RM 750 |
| | 3 - 4 Anak | RM 1000 |
| | > 5 Anak | RM 1250 |
| | Warga Emas Bujang | RM 600 |
| MY SUMBER | Bujang (<60 tahun) | RM 350 |
| Tambahan (Bakul Makanan / Baucar) | Miskin Tegar | RM 600 |

Number: Touchpoints Belanjawan 2023, MOF, 24 Februari 2023

mysumber.com | mysumber.tv

MY SUMBER

(a) Bagaimanakah tindakan di atas dapat membantu individu?

[4 markah]

(b) Dengan bantuan rajah yang sesuai, jelaskan kesan tersebut ke atas permintaan.

[7 markah]

(c) Tindakan kerajaan di atas dapat mengembangkan ekonomi negara. Bincangkan.

[9 markah]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi dalam ekonomi.

Indeks Harga Pengguna (IHP) berubah daripada 122.5 pada Julai 2021 kepada 127.9 pada Julai tahun 2022. Harga global makanan bijirin seperti kacang soya dan jagung mencapai paras tertinggi akibat bencana alam, perubahan cuaca, peperangan dan permintaan yang meningkat mendadak selepas pandemik Covid-19. Sektor penternakan turut terjejas kerana bergantung kepada import makanan tersebut. Secara tak langsung meningkatkan harga barang makanan dalam pasaran. Kerajaan bertindak mengenakan dasar kawalan harga bagi memastikan harga stabil dalam pasaran.

Ubahsuai: Berita Harian, 29 Ogos 2022

(a) Jelaskan kesan perubahan dalam IHP di atas.

[5 markah]

(b) Bagaimanakah situasi di 6(a) mempengaruhi permintaan pengguna?

[6 markah]

(c) Cadangkan tindakan lain yang boleh diambil oleh kerajaan bagi mengawal kestabilan harga.

[9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi Malaysia.

Malaysia catat aliran masuk bersih FDI RM74.6 bilion pada 2022

KUALA LUMPUR: Aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia meningkat kepada RM74.6 bilion pada 2022 daripada RM50.4 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, manakala pelaburan di luar negara (DIA) mencatatkan RM58.6 bilion berbanding RM19.4 bilion pada 2021.

Berdasarkan prestasi FDI mengikut sektor, pembuatan berkembang RM17.1 bilion untuk merekodkan aliran masuk bersih RM49.5 bilion yang menyumbang kepada aliran terbesar dalam FDI.

Prestasi FDI dan DIA yang menggalakkan itu menunjukkan keadaan ekonomi dalam negara yang memberangsangkan sekali gus menarik syarikat asing untuk terus melabur manakala syarikat tempatan mengembangkan dan mempelbagaikan aktiviti perniagaan di luar negara

Ubahsuai: <https://www.astroawani.com>, 16 Jun 2023

- (a) Jelaskan 2 cara pelaburan langsung asing yang boleh dilakukan di Malaysia.
[4 markah]
- (b) Terangkan usaha yang kerajaan lakukan agar menggalakkan pelaburan langsung asing di negara kita.
[7 markah]
- (c) Adakah anda setuju bahawa pelaburan langsung asing lebih memanfaatkan Malaysia? Jelaskan.
[9 markah]



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

EKONOMI MODUL ARAS TINGGI

3767/1

Kertas 1

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit


1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
 2. Jawab **semua** soalan.
 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
 5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
-

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah ekonomi.

Syarikat Berjaya Sdn. Bhd. hanya dapat melaksanakan projek perumahan di Taman Melur di Sibul dan terpaksa menanggunghkan projek perumahan di Taman Indah di Kuching.

Apakah masalah ekonomi yang terlibat?

- Pendapatan adalah terhad
 - Kehendak manusia yang terhad
 - Buruh yang dimiliki terhad
 - Peruntukkan sumber hasil kerajaan terhad
- 2 Rajah 1 berkaitan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) bagi dua jenis barang bagi Syarikat X.




Rajah 1

Pernyataan yang manakah betul?

- Kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat X sekiranya pengeluaran beralih daripada R ke S ialah 4000 helai pakaian
 - Kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat X sekiranya pengeluaran beralih daripada R ke S ialah 1 tan metrik makanan.
 - Kos lepas dari titik R ke titik S ialah 0.25
 - Kombinasi S, R, T, U, V dan Y menunjukkan kombinasi tingkat pengeluaran pada guna tenaga penuh.
- I dan II
 - I dan III
 - II dan III
 - III dan IV


- 3 Rajah 2 berkaitan sistem ekonomi sebuah negara.



Rajah 2

Apakah yang bertanda Y di atas?

- Pengguna dan pihak pengeluar berhak membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah asas ekonomi.
 - Segala keputusan ekonomi diselesaikan oleh kerajaan
 - Pihak kerajaan tidak campur tangan dalam sistem ekonomi tetapi menetapkan undang-undang dan peraturan yang perlu diikuti oleh individu dan pihak swasta.
 - Kerajaan campur tangan untuk mengawal harga barang dan perkhidmatan
- 4 Rajah 3 menunjukkan perubahan permintaan dalam pasaran.



Rajah 3


Apakah situasi yang menunjukkan peralihan keluk ke kiri dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- Harga barang pengganti turun
 - Harga dijangka meningkat pada masa depan
 - Harga dijangka menurun pada masa depan
 - Kadar cukai pendapatan turun
- I dan II
 - I dan III
 - II dan IV
 - III dan IV

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan satu penentu permintaan bagi barang penggenap.

Kerajaan menaikkan harga kereta sebanyak 10%

Rajah manakah yang menunjukkan kesan perubahan penentu di atas terhadap barang tersebut?




- 6 Jadual 1 menunjukkan permintaan dan penawaran kasut sukan di pasaran.

| Harga (RM) | Kuantiti Permintaan (Pasang) | Kuantiti Penawaran (Pasang) |
|------------|------------------------------|-----------------------------|
| 60.90 | 60 | 15 |
| 70.90 | 40 | 40 |
| 80.90 | 20 | 50 |
| 90.90 | 10 | 70 |

Jadual 1

Pilih pernyataan yang benar mengenai jadual tersebut.

- A. Pada harga RM80.90 berlaku lebih permintaan sebanyak 30 pasang.
 - B. Harga kasut cenderung untuk menurun pada tingkat harga RM80.90.
 - C. Lebih permintaan dan penawaran berlaku pada tingkat harga RM70.90
 - D. Pada harga RM60.90 berlaku lebih penawaran sebanyak 45 pasang.
- 7 Apakah kesan ke atas harga dan kuantiti keseimbangan pasaran apabila kerajaan mengurangkan bantuan baja padi.
- A. Harga dan kuantiti keseimbangan meningkat
 - B. Harga dan kuantiti keseimbangan menurun
 - C. Harga keseimbangan menurun dan kuantiti keseimbangan meningkat
 - D. Harga keseimbangan meningkat dan kuantiti keseimbangan menurun
- 8 Rajah 4 di bawah ini menunjukkan keluk keseimbangan pasaran kereta.



Rajah 4

Jika kerajaan menetapkan syarat sewa beli kereta, apakah yang akan berlaku?

- I. Penawaran kereta akan bertambah
- II. Permintaan kereta akan bertambah
- III. Kuantiti keseimbangan kereta menurun
- IV. Harga keseimbangan kereta menurun

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

- 9 Maklumat di bawah berkaitan dengan penentu keanjalan.

Diberi nilai keanjalan barang Y ialah 0.50

Apakah faktor yang mempengaruhi keanjalan barang Y ?

- I. Barang Y banyak kegunaan
- II. Barang Y tidak mempunyai barang pengganti
- III. Barang Y mempunyai nisbah perbelanjaan dengan pendapatan yang **besar**
- IV. Barang Y tidak tahan lama

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

- 10 Jadual 2 di bawah menunjukkan harga suatu barang dan kuantiti yang ditawarkan.

| Harga barang (RM) | Kuantiti ditawarkan (unit) |
|-------------------|----------------------------|
| X | 30 |
| 20 | 34 |

Jadual 2

Hitungkan nilai X jika keanjalan harga penawaran ialah 0.4 dan harga berubah daripada RM X kepada RM20.

- A. RM11.00
- B. RM13.00
- C. RM15.00
- D. RM42.90

- 11 Gambar 1 menunjukkan logo sebuah institusi kewangan yang terdapat di Malaysia.



Gambar 1

Bagaimanakah institusi tersebut berfungsi sebagai jurubank kepada bank perdagangan?

- I. Memberi nasihat pelaburan
- II. Mengurus pertukaran asing
- III. Menyediakan akaun penjelasan antara bank
- IV. Menjaga rizab berkanun untuk menstabilkan ekonomi

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

- 12 Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu sektor ekonomi.

Memproses bahan mentah kepada barang siap atau separuh siap

Apakah pekerjaan yang dikategorikan dalam sektor ekonomi di atas?

- A. Pembalak
 - B. Pengurus projek
 - C. Ejen insurans
 - D. Tukang masak
- 13 Jadual 3 berkaitan dengan pendapatan tahunan dan pelepasan cukai untuk individu Wong, Rahim, Muhammad dan Siva.

| Butiran | Wong | Rahim | Muhammad | Siva |
|--------------------|----------|----------|----------|----------|
| Pendapatan tahunan | RM60 000 | RM80 000 | RM90 000 | RM60 000 |
| Pelepasan cukai | RM57 500 | RM72 400 | RM87 800 | RM57 400 |

Jadual 3

Individu yang manakah perlu membayar cukai pendapatan individu?

- A. Rahim
 - B. Wong
 - C. Muhammad
 - D. Siva
- 14 Bagaimanakah Sofea boleh menggunakan pendapatan boleh gunanya?
- I. Meneruskan mencarum KWSP.
 - II. Membayar ansuran sewa rumah
 - III. Menabung di akaun tabungan untuk memperoleh faedah
 - IV. Membayar cukai pendapatan perseorangan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

- 15 Jadual 4 menunjukkan perbelanjaan bulanan isi rumah.

| Tahun | Jumlah perbelanjaan bulanan isi rumah (RM) |
|-------|--|
| 2021 | 6 583 |
| 2022 | 6 002 |

Jadual 4

Apakah punca yang menyebabkan jumlah perbelanjaan bulanan isi rumah tahun 2022 begitu?

- A. Pendapatan meningkat
- B. Harga barang meningkat
- C. Isi rumah berbelanja untuk mencapai kepuasan yang maksimum
- D. Kaedah pengiklanan dan pemasaran yang berjaya memujuk isi rumah untuk berbelanja.

16 Jadual 5 berkaitan pendapatan dan perbelanjaan bulanan Encik Haris.

| Butiran | RM |
|----------------------------|-------|
| Pendapatan | 3 200 |
| KWSP 11% | |
| PERKESO | 15 |
| Makanan dan minuman | 800 |
| Ansuran pinjaman perumahan | 900 |
| Ansuran pinjaman kereta | 750 |
| Bil elektrik dan air | 270 |
| Majalah | 150 |
| Derma | 200 |

Jadual 5

Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan belanjawan peribadi Encik Haris?

- I. Pendapatan boleh guna ialah RM2 833
- II. Perbelanjaan melebihi pendapatan boleh guna
- III. Perancangan belanjawan peribadi yang baik
- IV. Mempunyai lebih pendapatan sebanyak RM237

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

17 Gambar 2 berkaitan dengan pelaburan.



Gambar 2

Apakah jenis pelaburan yang sesuai untuk Lau Yong?

- A. FOREX
- B. Unit Amanah
- C. Logam berharga
- D. Saham syarikat

- 18 Jadual 6 berkaitan dengan jenis pelaburan, tahap risiko, pulangan dan kecairan.

| Jenis pelaburan | Tahap Risiko | Tahap Pulangan | Tahap Kecairan |
|-----------------|--------------|----------------|----------------|
| X | Bebas risiko | Rendah | Tinggi |
| Y | Rendah | Rendah | Rendah |
| Z | Tinggi | Tinggi | Tinggi |

Jadual 6

Apakah X, Y dan Z?

| | X | Y | Z |
|----|----------------|----------------|----------|
| A. | Simpanan tetap | Forex | Hartanah |
| B. | Hartanah | Simpanan tetap | Forex |
| C. | Simpanan tetap | Hartanah | Forex |
| D. | Forex | Simpanan tetap | Hartanah |

- 19 Pernyataan yang manakah betul tentang pengeluaran?
- Buruh yang digunakan mempunyai tingkat kemahiran yang sama cekap
 - Terdapat kos tetap dan kos berubah dalam jangka masa panjang
 - Tingkat teknologi adalah berubah
 - Jumlah keluaran meningkat sehingga mencapai nilai maksimum kemudian menurun sehingga mencapai nilai sifar.
- 20 Antara berikut, pernyataan manakah yang benar mengenai hubungan antara jumlah keluaran, jumlah kos dan kos purata.
- Peningkatan dalam jumlah keluaran menyebabkan kos purata meningkat dan kemudian menurun.
 - Peningkatan dalam jumlah keluaran menyebabkan kos purata menurun dan kemudian meningkat.
 - Penurunan jumlah kos adalah disebabkan peningkatan dalam jumlah keluaran
 - Penurunan jumlah keluaran menyebabkan peningkatan jumlah kos.
- 21 Maklumat di bawah menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Untuk menghasilkan output sebanyak 20 unit, kos pengeluaran yang ditanggung ialah RM140. Apabila firma menambah output menjadi 25 unit, kos pengeluaran telah meningkat sebanyak 20%.

Hitung kos marginal firma bagi output unit yang ke-25.

- 5.6
- 6.7
- 28
- 168

- 22 Maklumat di bawah berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

| | |
|--------------------|---------|
| Harga per unit | : RM200 |
| Kos tetap | : RM100 |
| Kos berubah purata | : RM20 |

Sekiranya output terjual adalah 50 unit, berapakah untung firma tersebut?

- A. RM4 000
 B. RM8 900
 C. RM9 880
 D. RM9 000
- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan kerajaan mencapai objektif mikroekonomi negara.

| |
|---|
| Kerajaan bermatlamatkan untuk meningkatkan jumlah keluaran negara dan memaksimumkan kebajikan Masyarakat. |
|---|

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- A. Menjaga kesejahteraan antara kaum
 B. Memastikan agihan pendapatan Masyarakat sama
 C. Membantu pengeluar dalam memaksimumkan keuntungan]
 D. Meningkatkan penggunaan guna tenaga penuh dalam ekonomi.
- 24 Maklumat di bawah berkaitan dengan pengangguran.

| <i>F</i> | <i>G</i> | <i>H</i> |
|--|---|--------------------------------------|
| Masalah kehausan dan kepupusan sumber galian | Majikan mengambil masa yang lama dalam memilih pekerja baharu | Pengurangan dalam permintaan agregat |

Apakah jenis pengangguran *F*, *G* dan *H*.

| | <i>F</i> | <i>G</i> | <i>H</i> |
|----|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| A. | Pengangguran kitaran | Pengangguran berstruktur | Pengangguran geseran |
| B. | Pengangguran berstruktur | Pengangguran geseran | Pengangguran kitaran |
| C. | Pengangguran kitaran | Pengangguran geseran | Pengangguran berstruktur |
| D. | Pengangguran geseran | Pengangguran kitaran | Pengangguran berstruktur |

25 Jadual 7 berikut menunjukkan anggaran hasil kerajaan bagi tempoh satu tahun.

| Sumber hasil | Jumlah (RM Juta) |
|--------------------------------|------------------|
| Cukai eksais | 13 890 |
| Royalti petroleum dan gas asli | 8 458 |
| Cukai pendapatan petroleum | 45 821 |
| Cukai import | 3 189 |
| Duti setem | 81 |
| Cukai tanah | 8 |
| Lesen dan permit | 18418 |
| Levi | 121 |

Jadual 7

Kira hasil cukai langsung, hasil cukai tak langsung dan hasil bukan cukai?

| | Hasil Cukai Langsung (RM Juta) | Hasil Cukai Tidak Langsung (RM Juta) | Hasil Bukan Cukai (RM Juta) |
|---|-----------------------------------|--|--------------------------------|
| A | 54 368 | 17 200 | 18 418 |
| B | 17 200 | 54 368 | 18 418 |
| C | 45 910 | 17 200 | 26876 |
| D | 17 200 | 45 910 | 26 876 |

26 Maklumat di bawah berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

| Hasil Kerajaan | Perbelanjaan kerajaan |
|----------------|-----------------------|
| RM356 489 Juta | RM398 735 Juta |

Apakah kesan belanjawan tersebut terhadap ekonomi negara?

- A. Kuasa beli pengguna dan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan dalam pasaran akan menurun
- B. Mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat dan menambahkan pendapatan individu
- C. Inflasi dapat dikawal dan kos sara hidup Masyarakat telah menurun
- D. Memperlambatkan pertumbuhan ekonomi dalam negara dan menyebabkan tingkat harga umum menurun


27 Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi.

Kadar faedah pinjaman dijangka naik lagi berikutan kenaikan kadar inflasi telah mencecah paras 2.8%.

Apakah tindakan Bank Negara Malaysia dalam mengatasi situasi tersebut?

| | Pelan Tindakan | Alat dasar kewangan |
|----|---------------------------|----------------------------------|
| A. | Dasar kewangan mengembang | Melonggarkan syarat sewa beli |
| B. | Dasar kewangan menguncup | Menjual surat jaminan kerajaan |
| C. | Dasar kewangan mengembang | Menaikkan nisbah rizab tunai |
| D. | Dasar kewangan menguncup | Menurunkan nisbah rizab berkanun |

28 Gambar 3 berkaitan dengan operasi global Maybank



Gambar 3

Mengapakah Maybank meluaskan pasaran hingga membuka cawangan di luar negara?

- A. untuk mendapatkan lebih ramai pelanggan dan mendapat untung yang lebih tinggi
- B. kekurangan bahan mentah di negara asal
- C. menjimatkan kos pengangkutan yang tinggi
- D. membuka operasi di luar negara untuk menjimatkan kos buruh

29 Antara berikut, manakah merupakan tindakan kerajaan Malaysia untuk menggalakkan globalisasi?

- I. Pembatalan Projek Kereta Api Laju (HSR) Kuala Lumpur – Singapura
- II. Pembatalan pemberian visa kepada pelancong
- III. Pembukaan lapangan terbang KLIA2
- IV. Pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas (AFTA)

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

- 30 Maklumat di bawah berkaitan dengan perdagangan antarabangsa anatar Malaysia dengan negara India.

Rakyat Malaysia suka bawang dari India, catat import tertinggi

KUALA LUMPUR – Malaysia mencatat jumlah import bawang tertinggi dari india iaitu sebanyak 149,539, 411 kg yang bersesuaian minat dan citarasa rasa negara ini. Malaysia mengimport pelbagai jenis bawang iaitu antaranya ialah bawang merah jenis “Bangalore”, “Rose” dan “Krishnapuram”.

Apakah kepentingan perdagangan antarabangsa antara Malaysia dengan negara India?

- A. Meluaskan pasaran
 - B. Menikmati barang dengan harga yang lebih murah
 - C. Mewujudkan hubungan baik dengan rakan dagang
 - D. Memperoleh barang yang tidak dikeluarkan dalam negara
- 31 Maklumat yang berikut berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan sebuah negara

Kerajaan telah memperuntukkan RM2 juta untuk membina sebuah sekolah baharu

Apakah jenis perbelanjaan pembangunan tersebut?

- A. Keselamatan
 - B. Pentadbiran am
 - C. Perkhidmatan sosial
 - D. Perkhidmatan ekonomi
- 32 Jadual 8 menunjukkan urus niaga pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Renminbi China (CNY).

| Unit | Mata Wang | Harga Berlian (CNY) | Harga Jualan (CNY) |
|------|-----------|---------------------|--------------------|
| 1 | RM | 1. 6082 | 1. 6094 |

Jadual 8

Seorang pengimport dari Malaysia telah mengimport peralatan komputer yang bernilai RM60 000 dari China.

Berapakah jumlah mata wang Renminbi yang diperlukan oleh pengimport untuk membuat pembayaran di negara China?

- A. CNY37 280.97
- B. CNY37 308.79
- C. CNY96 492.00
- D. CNY96 564.00

- 33 Jadual 9 menunjukkan urus niaga antarabangsa Negara A.

| | |
|--------------------|------------|
| Eksport tak nampak | RM420 juta |
| Import tak nampak | RM600 juta |

Jadual 9

Apakah kesan daripada urus niaga tersebut?

- A. Imbangan dagangan lebihan
 B. Imbangan dagangan defisit
 C. Imbangan perkhidmatan lebihan
 D. Imbangan perkhidmatan defisit
- 34 Situasi manakah yang menunjukkan kepentingan Dolar Singapura kepada Malaysia?
 A. Pelancong Singapura melancong ke Bentong, Pahang
 B. Usahawan Malaysia mengeksport sayur-sayuran ke Singapura
 C. Syarikat Termasek dari singapura membeli hartanah di Johor
 D. Firma YY Berhad mengimport peralatan computer dari Singapura
- 35 Antara yang berikut, situasi manakah yang mewujudkan penawaran terhadap Ringgit Malaysia (RM)?
 I. Pelaburan Malaysia di Vietnam
 II. Eksport petroleum ke Jepun
 III. Pelancong China mengunjungi Pulau Langkawi
 IV. Pelajar Malaysia menuntut di United Kingdom
 A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV

Soalan 36 hingga 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti dalam jadual di bawah ini.

| Pilihan | Pernyataan 1 | Pernyataan II |
|---------|--------------|---------------|
| A | Betul | Salah |
| B | Salah | Betul |
| C | Betul | Betul |
| D | Salah | Salah |

- 36 I. Keluaran marginal ialah perubahan jumlah keluaran akibat pertambahan seunit input berubah.
 II. Keluaran marginal lebih besar apabila keluaran purata meningkat.
- 37 I. Dasar fiskal mengucup bertujuan untuk mengatasi masalah pengangguran.
 II. Dasar fiskal mengucup dijalankan oleh kerajaan dengan menurunkan kadar cukai dan menurunkan perbelanjaan kerajaan.
- 38 I. Akaun pendapatan dalamimbangan pembayaran terdiri daripada akaun pendapatan primer dan akaun pendapatan sekunder.
 II. Contoh akaun pendapatan primer ialah pampasan pekerja.

- 39 I. Jumlah kos diperoleh dengan menjumlahkan kos tetap dan kos berubah.
II. Perubahan jumlah kos sama dengan perubahan jumlah kos berubah.
- 40 I. Indeks harg s pengguna mengukur kos sara hidup pengguna.
II. Indeks harga pengguna tahun semasa yang melebihi indeks harga pengguna tahun dasar menunjukkan tingkat harga umum jatuh.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

EKONOMI MODUL ARAS TINGGI

3767/2

Kertas 2

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

1. Modul ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan **mana-mana dua soalan Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam modul ini.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkukator saintifik

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | | |
|--------------------------|----------|--------------|------------------|
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A | 1 | 20 | |
| | 2 | 20 | |
| | 3 | 20 | |
| B | 4 | 20 | |
| | 5 | 20 | |
| | 6 | 20 | |
| | 7 | 20 | |
| Jumlah | | | |

Bahagian A

[60 *markah*]

Jawab **semua** soalan daripada bahagian ini

1. (a) Maklumat berikut berkaitan Encik Zainal.

Encik Zainal menceburi diri dalam bidang Perusahaan kecil dan sederhana. Beliau mengusahakan perusahaan membuat cendawan goreng dengan mengupah lima orang pekerja.

Pada pendapat anda, adakah Encik Zainal dianggap sebagai usahawan? Berikan alasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 *markah*]

- (b) Terangkan masalah asas ekonomi yang masih belum diselesaikan dalam situasi di atas.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 *markah*]


- (c) Jadual 1 menunjukkan penawaran dan permintaan pasaran terhadap seluar sukan.

| Harga (RM) | Kuantiti Seluar Sukan (unit) | |
|---------------|------------------------------|-------------------|
| | Permintaan Pasaran | Penawaran Pasaran |
| 5 | 55 | 10 |
| 15 | 40 | 25 |
| 25 | 20 | 40 |
| 30 | 10 | 45 |

JADUAL 1

- (i) Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan, lukiskan keluk keseimbangan pasaran.

[4 markah]



(ii) Berapakah harga dan kuantiti keseimbangan pasaran seluar sukan tersebut?

.....

[2 markah]

(d) Jadual di bawah menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi barang W.

| Jenis Barang | Peratus perubahan kuantiti diminta | Peratus perubahan harga |
|--------------|------------------------------------|-------------------------|
| Barang W | 9 | 30 |

(i) Hitung nilai keanjalan harga permintaan bagi barang tersebut.

.....

[2 markah]

(ii) Tafsirkan hasil pengiraan keanjalan harga permintaan di atas.

.....

[4 markah]

2. (a) Terangkan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada Kerajaan.

.....

[4 markah]

(b)

Tempias kenaikan inflasi makanan global

Bank Dunia menzahirkan kebimbangan apabila inflasi makanan terus menunjukkan peningkatan lebih 80 peratus melibatkan 166 negara. Adakah Malaysia berpotensi meningkatkan pengeluaran hasil dan pendedaran makanan bagi mengatasi krisis global?

(Sumber : <https://www.astroawani.com>, 3 Ogos 2023)

- (i) Bagaimanakah belanjawan peribadi dapat membantu memulihkan ekonomi negara yang turut terkesan dengan inflasi makanan global?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (ii) Kempen Berkebum dan Menternak Haiwan dikatakan turut mampu mengurangkan kesan inflasi makanan global di negara kita. Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c)

| MESIN (unit) | BURUH (orang) | JUMLAH KELUARAN (TP) (unit) | KELUARAN PURATA (AP) (unit) | KELUARAN MARGINAL (MP) (unit) |
|-----------------|------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|-------------------------------------|
| 1 | 0 | 0 | - | - |
| 1 | 1 | 10 | 10 | 10 |
| 1 | 2 | 22 | 11 | X |
| 1 | 3 | 33 | 11 | 11 |
| 1 | 4 | 42 | 10.5 | 9 |
| 1 | 5 | 47 | 9.4 | 5 |
| 1 | 6 | 49 | 8.17 | 2 |
| 1 | 7 | 49 | 7 | 0 |
| 1 | 8 | 46 | 5.75 | -3 |

JADUAL I

Mengapakah bilangan buruh 3 hingga 7 orang dianggap sebagai tahap pengeluaran paling cekap bagi firma tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(d)

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tesla, [Elon Musk](#) menzahirkan persetujuan menubuhkan ibu pejabat Tesla di Cyberjaya.

(Sumber : <https://www.bharian.com.my/15> Julai 2023)

Penubuhan ibu pejabat Tesla di Cyberjaya memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Huraikan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

3. (a) Adakah guna tenaga dan pengangguran dapat menggambarkan prestasi ekonomi sesebuah negara?
Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

(b) Gambar berikut berkaitan dengan suatu perbelanjaan kerajaan.



Jelaskan tujuan perbelanjaan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

(c) Mengapakah pelaksanaan blok ekonomi memberi bebanan kepada golongan miskin?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(d) Jadual di bawah menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing bagi Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dolar Amerika (USD).

| Mata Wang | 2021 | 2022 |
|-----------|----------|----------|
| USD1 | RM4.0506 | RM4.1725 |

Jelaskan kesan ke atas imbalan dagangan Malaysia akibat perubahan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

[5 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana **DUA** soalan daripada bahagian ini.

| | |
|----|--|
| 4. | <p>Maklumat berikut berkaitan dengan dua sistem ekonomi.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 15px; padding: 10px; width: 25%;"> <p>Rakyat di negara saya tidak bebas memilih barangan tetapi kebajikan mereka terjaga.</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p>Annie Sofie</p> </div> <div style="border: 1px solid black; border-radius: 15px; padding: 10px; width: 25%;"> <p>Rakyat di negara saya bebas mengumpul kekayaan. Malah semua kemudahan awam lain disediakan oleh kerajaan.</p> </div> </div> <p>(a) Bagaimanakah sistem ekonomi di negara Annie tersebut mampu menjaga kebajikan rakyatnya? [5 markah]</p> |
| | <p>(b) Bezakan bagaimana sistem ekonomi negara Annie dan negara Sofie menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Berapa yang hendak dikeluarkan ii. Bagaimana hendak dikeluarkan iii. Untuk siapa hendak dikeluarkan <p style="text-align: right;">[6 markah]</p> |
| | <p>(c) Sistem ekonomi di negara Sofie lebih baik daripada sistem ekonomi di negara Annie. Bincangkan.</p> <p style="text-align: right;">[9 markah]</p> |

| | | |
|----|-----|--|
| 5. | | <p>'Naikkan Cukai Alkohol, Rokok Dalam Bajet 2020' "Pada Bajet 2020, cukai import bagi alkohol dan rokok perlu dinaikkan sekurang-kurangnya 30 peratus. Dengan kenaikan cukai import, dipercayai kerajaan mampu mengekang pembelian rokok dan penjualan arak yang masih dianggap murah," katanya kepada Malaysiakini. (Sumber : Diubahsuai daripada https://www.malaysiakini.com, 1 Jun 2019)</p> |
| | (a) | <p>Huraikan jenis cukai yang terdapat dalam petikan</p> <p style="text-align: right;">[4 markah]</p> |
| | (b) | <p>Jelaskan kesan pelaksanaan dasar kerajaan tersebut ke atas keseimbangan pasaran minuman keras dalam negara.</p> <p style="text-align: right;">[7 markah]</p> |
| | (c) | <p>Tindakan kerajaan tersebut dapat membantu meningkatkan taraf kemakmuran masyarakat dan negara. Bincangkan.</p> <p style="text-align: right;">[9 markah]</p> |
| 6. | | <p>Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran di Malaysia.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p>Kuala Lumpur: Kadar pengangguran belia kekal tinggi pada kadar 11.8 peratus pada bulan terakhir 2022 berbanding paras sebelum pandemik iaitu 9.9 peratus. Ketua Ahli Ekonomi Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB), Suhaimi Ilias, berkata, kadar pengangguran belia dan pekerjaan tidak setimpal menggariskan isu struktur seperti ketidaksesuaian pekerjaan, kekurangan bakat selain isu kualiti serta kuantiti pekerjaan.</p> <p style="text-align: right;">Sumber: <i>Berita harian, Februari 19, 2023</i></p> </div> |
| | (a) | <p>Huraikan jenis pengangguran di atas.</p> <p style="text-align: right;">[4 markah]</p> |
| | (b) | <p>Bagaimanakah tindakan bank pusat dapat menyelesaikan masalah di atas?</p> <p style="text-align: right;">[7 markah]</p> |
| | (c) | <p>Firma boleh membantu negara dalam mengurangkan pengangguran dalam kalangan belia. Berikan hujah anda.</p> <p style="text-align: right;">[9 markah]</p> |

| | | |
|----|-----|--|
| | | |
| 7. | | <p>Maklumat berikut berkaitan dengan pelaksanaan sekatan.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p style="text-align: center;">INDUSTRI AUTOMOTIF GEGARA PERLU DILINDUNGI</p> <p>KUALA LUMPUR: Kerajaan akan melaksanakan kajian semula Dasar Automotif Negara bertujuan melindungi industri terbabit agar kekal kompetitif. Perdana Menteri berkata kajian itu meliputi pembangunan industri automotif tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta peningkatan eksport. Kebanyakan negara pengeluar kereta mempunyai dasar dalam sekatan import kenderaan asing.</p> <p style="text-align: right;"><i>Sumber: Berita Harian Online, 30 Julai 2018</i></p> </div> |
| | (a) | Adakah anda bersetuju dengan pelaksanaan kajian semula tersebut? Kemukakan hujah anda. |
| | | [4 markah] |
| | (b) | Dengan bantuan rajah yang sesuai, jelaskan satu jenis sekatan import yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan. |
| | | [7 markah] |
| | (c) | Tindakan kerajaan pada 7(b) telah memberi kesan terhadap ekonomi secara keseluruhan. Bincangkan. |
| | | [9 markah] |

**PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL EKONOMI
KERTAS 1
ARAS RENDAH**

| | |
|---------------------------|----------------|
| KOD MATA PELAJARAN | 3767/1 |
| MATA PELAJARAN | EKONOMI |

| NO. SOALAN | JAWAPAN | NO. SOALAN | JAWAPAN | NO. SOALAN | JAWAPAN | NO. SOALAN | JAWAPAN |
|---------------|---------|---------------|---------|---------------|---------|---------------|---------|
| 1 | D | 11 | B | 21 | A | 31 | C |
| 2 | B | 12 | B | 22 | B | 32 | D |
| 3 | A | 13 | A | 23 | D | 33 | A |
| 4 | A | 14 | D | 24 | C | 34 | D |
| 5 | C | 15 | B | 25 | C | 35 | B |
| 6 | C | 16 | C | 26 | A | 36 | B |
| 7 | D | 17 | A | 27 | A | 37 | A |
| 8 | A | 18 | C | 28 | D | 38 | B |
| 9 | A | 19 | A | 29 | B | 39 | C |
| 10 | B | 20 | B | 30 | B | 40 | D |

**PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL EKONOMI
KERTAS 2
ARAS RENDAH**

| NO SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | | | MARKAH | | | | | | | | | | | | | | | |
|-------------------------------------|---|--|--|----------------------|----------------------------------|-------------------------|---|--|------------------------------------|--|--|--------------------------------------|--|--|--|-------------------------------------|---|---|-------|
| 1(a) | H1 | Isi rumah/individu mengalami masalah kekurangan sumber pendapatan atau wang. | | 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | H2 | Mereka perlu membuat pilihan antara kasut atau beg sekolah | | 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | H3 | Memilih kasut/beg sekolah yang memberikan kepuasan maksimum | | 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | H4 | Wujud kos lepas | | 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | H5 | Beg sekolah/kasut barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan. | | 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | Maks 4m | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(b) | <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Masalah asas ekonomi</th> <th style="text-align: center;">Sistem ekonomi perancangan pusat</th> <th style="text-align: center;">Sistem ekonomi campuran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Apa yang hendak dikeluarkan (H1a + H1b)</td> <td style="text-align: center;">Diselesaikan melalui badan perancangan pusat atau kerajaan</td> <td style="text-align: center;">Diselesaikan melalui kuasa pasaran</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Berapa yang hendak dikeluarkan (H2a + H2b)</td> <td style="text-align: center;">Ditentukan oleh kerajaan melalui bancian</td> <td style="text-align: center;">Ditentukan melalui mekanisme pasaran</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Bagaimana hendak dikeluarkan (H3a + H3b)</td> <td style="text-align: center;">Diselesaikan oleh kerajaan melalui pemilihan teknik paling cekap</td> <td style="text-align: center;">Teknik pengeluaran yang menguntungkan akan dipilih</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Untuk siapa dikeluarkan (H4a + H4b)</td> <td style="text-align: center;">Barang diagih secara adil kepada setiap individu dalam masyarakat</td> <td style="text-align: center;">Diselesaikan melalui corak agihan pendapatan wang</td> </tr> </tbody> </table> | | | Masalah asas ekonomi | Sistem ekonomi perancangan pusat | Sistem ekonomi campuran | Apa yang hendak dikeluarkan (H1a + H1b) | Diselesaikan melalui badan perancangan pusat atau kerajaan | Diselesaikan melalui kuasa pasaran | Berapa yang hendak dikeluarkan (H2a + H2b) | Ditentukan oleh kerajaan melalui bancian | Ditentukan melalui mekanisme pasaran | Bagaimana hendak dikeluarkan (H3a + H3b) | Diselesaikan oleh kerajaan melalui pemilihan teknik paling cekap | Teknik pengeluaran yang menguntungkan akan dipilih | Untuk siapa dikeluarkan (H4a + H4b) | Barang diagih secara adil kepada setiap individu dalam masyarakat | Diselesaikan melalui corak agihan pendapatan wang | 1 + 1 |
| | Masalah asas ekonomi | Sistem ekonomi perancangan pusat | Sistem ekonomi campuran | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | Apa yang hendak dikeluarkan (H1a + H1b) | Diselesaikan melalui badan perancangan pusat atau kerajaan | Diselesaikan melalui kuasa pasaran | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | Berapa yang hendak dikeluarkan (H2a + H2b) | Ditentukan oleh kerajaan melalui bancian | Ditentukan melalui mekanisme pasaran | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | Bagaimana hendak dikeluarkan (H3a + H3b) | Diselesaikan oleh kerajaan melalui pemilihan teknik paling cekap | Teknik pengeluaran yang menguntungkan akan dipilih | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Untuk siapa dikeluarkan (H4a + H4b) | Barang diagih secara adil kepada setiap individu dalam masyarakat | Diselesaikan melalui corak agihan pendapatan wang | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | 1 + 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | 1 + 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | 1 + 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | 1 + 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1(c)i | H1 | Paksi harga dan kuantiti dibuat dengan betul | | 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | H2 | Skala tepat | | 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | H3 | Keluk DD diplot dengan betul | | 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | H4 | Keluk SS diplot dengan betul | | 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | H5 | Keluk dilabel dengan lengkap | | 1 | | | | | | | | | | | | | | | |
| | | | | Maks 4m | | | | | | | | | | | | | | | |

| | | | |
|-------|--|--|--|
| (c)ii | H1 H2 H3 H4 | Berlaku lebih penawaran sebanyak 6 unit (15-9) Harga cenderung menurun Penawaran akan menurun dan permintaan akan bertambah Proses akan berterusan sehingga pasaran mencapai semula keseimbangan pada titik E. | 1 1 1 1 Maks 2m |
| 1(d)i | | $E_s = \frac{\text{Peratus perubahan kuantiti}}{\text{Peratus perubahan harga}}$ $= \frac{\left(\frac{150-120}{120} \times 100\right)}{\left(\frac{50-30}{30} \times 100\right)}$ $= 0.37$ | 1 1 |
| (d)ii | F1 H1 H2 H3 | Setuju Peratus perubahan kuantiti lebih kecil daripada peratus perubahan harga Es lebih kecil daripada 1 Jika harga meningkat, kuantiti ditawarkan meningkat sedikit sahaja kerana pengeluarannya tidak dapat ditambah serta merta. | 1 1 1 1 Maks 2m |
| 2(a) | H1 H2 H3 H4 H5 H6 | Menyediakan perkhidmatan kewangan kepada kerajaan Mentadbir akaun kerajaan Dengan menyediakan cek, membuat dan menerima pembayaran bagi pihak kerajaan Menguruskan sumber dan pembayaran hutang negara Memberi wang pendahuluan kepada kerajaan Menjalankan urusan niaga pertukaran asing bagi pihak kerajaan | 1 1 1 1 1 1 Maks 4m |
